Kursus ini akan mendedahkan dan melatih para pelajar mengenai prinsip, konsep dan falsafah undang-undang buruh di Malaysia kursus juga meliputi undang-undang buruh antarabangsa seperti ILO. Kursus ini akan melatih pelajar menyediakan diri untuk membuat penyelidikan dan penulisan akademik. Kandungan kursus bermula dengan perbincangan mengenai kerangka teori perundangan buruh. Secara umumnya, penekanan kursus ini ialah kepada aspek undang-undang pekerjaan yang meliputi hubungan antara majikan dengan individu pekerja, dan hubungan kolektif antara majikan dengan kesatuan sekerja. Penekanan kursus adalah kepada pekerjaan di sektor swasta, sungguhpun rujukan juga dibuat kepada perkhidmatan awam.

Bacaan Asas

- Siti Zaharah Jamaluddin. 2011. *Undang-undang Perhubungan Perusahaan di Malaysia*. Edisi 2. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Siti Zaharah Jamaluddin. 2011. *Pengenalan Kepada Akta Kerja 1955*. Edisi 3. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Kamal Halili Hassan & Rosmah Ab. Rahman. 2009. Hubungan Undang-undang Mengikut Akta Pekerja Edisi 2. Kuala Lumpur: DBP.
- Ashagar Ali Mohamed & Farheen Baig Sardar Baig. 2009. *Procedur for unfair Dismissal Claim in Malaysia*. Kuala Lumpur: Lexis Nexis.
- Kamal Halili Hassan. 2007. Dlm. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud & Mumtaj Hassan, *Undang-undang Pekerjaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

UUUK 6045 - Undang-undang Kanak-Kanak

Kursus ini akan melihat kepada undang-undang berkenaan dengan kanak-kanak. Ia akan dimulakan dengan melihat kepada definasi kanak-kanak dan sejarah mengenai hak kanak-kanak. Ia juga akan membincangkan teori hak dan konflik antara hak anak dengan hak ibubapa. Kursus ini akan membuat pengajian khusus terhadap undang-undang yang berkaitan hak kanak-kanak melalui Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-kanak dan aplikasinya di Malaysia. Selain dari itu ia juga akan melihat secara spesifik undang-undang yang berkaitan dengan:

- i. hak untuk hidup;
- ii. hak beragama;
- iii. hak terhadap pelajaran;
- iv. hak terhadap perubatan;
- v. hak untuk berkahwin;
- vi. hak untuk tidak dianiaya;
- vii. hak untuk tidak dilarikan, diperdagang atau dilacurkan;
- viii. hak kepada penjagaan and pemeliharaan;
- ix. pengangkatan dan pengesahatarafan anak;
- x. hak di bawah system keadilan jenayah; dan
- xi. buruh kanak-kanak.
- xii. hak anak OKU
- xiii. hak terhadap nafkah

Bacaan Asas

Elaine, E. Sutherland (ed) 2012 *The Future of Child and Family Law*. Cambridge University Press.

Jal Zabdi Mohd Yusoff. 2010 *Jenayah Penderaan Kanak-kanak*. Penerbit Universiti Malaya.

Lowe, N.V. & Douglas, G.. 2007. *Bromley's Family Law*, 10th edn. Oxford University Press

Alston (ed.). 1994 *The best interests of the children- reconciling culture and human rights*. Clarendon Paperbooks

Bainham, A. & Cretney, S. 1993. *Children – the modern law, family law*.

UUUK 6065 - Undang-undang Keluarga Perbandingan

Kursus ini akan membuat perbandingan di antara undang-undang keluarga di Malaysia (Islam dan bukan Islam) dengan undang-undang keluarga di England dan New Zealand. Ia dimulakan dengan melihat secara ringkas kepada sistem perundangan di ketiga-tiga buah Negara dan diikuti dengan sejarah perundangan keluarga di ketiga-tiga buah Negara. Ia juga akan melihat kepada isu domisil dan kemastautinan sebagai faktor penyambung dalam perundangan keluarga. Oleh kerana objektif utama kursus ini adalah untuk melihat kepada persamaan dan perbezaan yang ada dalam peruntukan undang-undang keluarga di negara-negara tersebut, kursus ini hanya akan memfokuskan kepada hal-hal perkahwinan dan perceraian.

Bacaan Asas

- Burton, F. 2003. *Family Law*. London: Cavendish Publishing Ltd.
- Black, J., Birdge, J. and Bond, T. 2000. *A Practical Approach to Family Law*. Edisi ke-6. England: Blackstone Press Limited.
- Cretney. 1990. *Principles of Family Law*. Edisi ke-5. Sweet & Maxwell.
- Ahmad Ibrahim. 1997. *Family Law in Malaysia*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal
- Eekelar, JM.1980. *Marriage and Cohabitation in Contemporary Societies*. Butterworths.

UUUK 6075 - Sistem Kewangan Islam

Kursus ini membincangkan tentang sistem kewangan Islam yang melibatkan aspek Syariah perundangan yang ada kaitan dengan institusi kewangan dan aktivitinya. Aspek Syariah merupakan tumpuan utama dalam kursus ini. Ia dimulai dengan perbincangan tentang harta mengikut pandangan syarak dan pengiktirafan Syariah terhadap pemilikan harta. Kemudian perbincangan diikuti dengan prinsip-prinsip Syariah dalam bidang komersil, perbankan Islam fungsinya dan produk-produknya serta prinsip Syariah yang dipakai. Kursus ini juga membincangkan tentang institusi Takaful, penubuhan dan fungsinya, serta skim-skim yang dijalankan, prinsip Syariah yang berkaitan juga dibincangkan. Tidak ketinggalan juga dalam kursus ini dibincangkan tentang pasaran modal Islam. Ia membincangkan tentang penubuhan pasaran modal Islam, saham dan bond serta prinsip-prinsip Syariah yang diamalkan dan operasinya. Akhirnya, kursus ini akan mengkaji kerangka perundangan Syariah untuk industri perbankan dan kewangan Islam dalam memastikan objektif syariah (maqasid al shariah) tercapai.

40 *Panduan Siswazah*

Bacaan Asas

- ISRA. 2012. *Islamic Financial System Principles and Operation*. Kuala Lumpur: ISRA.
- Abdul Halim El-Muhammady, 2012. *Undang-undang Muamalat dan Aplikasinya kepada Produk-produk Perbankan Islam*, Aras mega (M) Sdn. Bhd, University Press.
- Zaharuddin Abd. Rahman. 2012. Second Edition. *Contracts & The Products of Islamic Banking*, Kuala Lumpur: CERT.
- Aznan Hasan, 2011. *Fundamentals of Shari'ah in Islamic Finance*, IBFIM.
- Nik Nozrul Thani & et. al. 2010. Second Edition. *Law and Practice of Islamic Banking and Finance*. Kuala Lumpur: Sweet and Maxwell Asia.

UUUK 6095 - Undang-undang Jenayah Islam

Kursus undang-undang jenayah Islam ini perbincangannya meliputi undang-undang asas jenayah Islam yang dibincangkan oleh para juris yang berasaskan al-Quran, dengan sunnah dan ijtihad seperti jenayah *hudud*, *qisas* dan *ta'zir*. Kursus ini juga membincangkan tentang undang-undang jenayah Islam yang diamalkan di Malaysia yang terdapat dalam Akta Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri. Selain dari itu, perkembangan semasa dalam undang-undang jenayah Islam yang diluluskan oleh kerajaan Kelantan dan Terengganu dalam tahun 1983 dan 1999 juga dibincangkan. Undang-undang jenayah Islam yang diamalkan di beberapa negara Islam juga dipelajari seperti undang-undang jenayah Islam di Pakistan dan Sudan.

Bacaan Asas

- Fathi bin Tayyib al-Khumasi. 2001/1421H. *Al-Darurat Al-Marhaliyyah Fi Tatbiq Al-Qanun Al-Jina'i Al-Islami*. Beirut/Damsyik: Dar Qutaibah.
- Abdul Halim El-Muhammady.1999. *Undang-undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri. Bangi*: Fakulti Undang-Undang UKM.
- Tahir Mahmud. 1996. *Criminal Law in Islam and the Muslim World*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Muhammad S. 1982. *Punishment in Islamic Law*. Indianapoli: American Trust Publications.
- 'Abd. Qadir 'Audah. 1988/1419. *al-Tasyri' al-Jinai, Muqaranan bi ganun wadi'ie, Volum I & II*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

UUUK 6105 - Undang-undang Pentadbiran Perbandingan

Kursus ini dirancang untuk mempelajari mengenai perbezaan dan persamaan berkenaan undang-undang yang mengawal cara bagaimana agensi-agensi pentadbiran menjalankan kuasanya dengan tujuan mengekang kuasa agensi-agensi pentadbiran berkenaan supaya berada dalam lingkungan undang-undang, serta untuk melindungi rakyat dari penyalahgunaannya. Kursus ini akan melihat kepada amalan-amalan pentadbiran dipelbagai sistem perundangan, terutamanya seperti yang diamalkan oleh sistem perundangan sivil dan common law. Pengaruh Eropah yang semakin penting dalam bidang undang-undang pentadbiran juga akan diambil kira. Kursus ini dibangunkan berasaskan empat tema utama, iaitu, kaedah dan prinsip asas undang-undang pentadbiran, peranan badan kehakiman dan perlindungan terhadap tindakan-tindakan pentadbiran, akses kepada maklumat pentadbiran dan akhirnya aspek prosedur dalam memohon perlindungan dari tindakan pentadbiran. Tanggapan berkenaan ide perasingan kuasa menjadi tonggak kepada kursus ini. Kursus ini tidak membuat kajian khusus mengenai sesebuah negara, sebaliknya menjuruskan kajian kepada sifat yang menjadi pati kepada amalan-amalan dari negara-negara yang berbeza dan bagaimana ia berlangsung serta kenapa berlaku perbezaan dan persamaan dalam pengamalan negara-negara tersebut.

Bacaan Asas

- Atonson, M I. 2004. *Judicial Review of Administrative Action*, Sydney: Lawbook Co.
- Carlow Harlow & Richard Rawlings. 1997. *Law and Administration*. London: Butterworths.
- Jain, M P. 1997. *Adminsitratve Law in Malaysia and Singapore*. Petaling Jaya: Malayan Law Journal
- Schwarz, Jurgan. 1992. *European Administrative Law*. London: Sweet and Maxwell.
- Pound, R. 1942. *Administrative Law: Its Growth, Procedure And Significance*. Pittsburgh Press.

UUUK 6115 - Undang-undang Perlembagaan Perbandingan

Fokus kursus ini ialah kepada aspek ‘*interdisciplinary*’ dan perbandingan. Perbincangan mengenai ide konstitusionalisme dan cara bagaimana ide tersebut diimplimentasikan di kedua-dua negara yang dikaji, iaitu Malaysia dan Australia akan dilakukan. Secara khususnya, kursus ini akan mengkaji dan menilai secara kritis pergerakan atau ‘penghijrahan’ ide konstitusionalisme di antara negara-negara berkenaan, khasnya di peringkat penafsiran perlembagaan. Kursus

42 *Panduan Siswazah*

ini juga akan melihat nilai-nilai politik, moral, budaya, dan agama masyarakat negara-negara itu yang mendasari sistem perlembagaannya. Ia akan dilakukan dengan memberi penekanan kepada tema tertentu, iaitu Peraturan Undang-undang (khususnya kesaksamaan hak di sisi undang-undang), hak dan kebebasan asasi (kebebasan bersuara, beragama dan berharta), penafsiran perlembagaan, kebebasan kehakiman dan federalisme. Cara penyelesaian yang diambil oleh kedua-dua negara bagi menangani masalah perlembagaan akan dianalisis secara kritis dengan mengambil ingatan tentang latarbelakang sejarah, politik, moral, budaya dan sosial masyarakat Malaysia dan Australia.

Bacaan Asas

- Orucu, E. & Nelken, D. (eds.). 2007. *Comparative Law : A Handbook*, Hart Publisher, UK.
- Stephen Tierney. 2006. *Constitutional Law and National Pluralism*. Oxford: Oxford University Press:
- Matthew Groves. 2005. *Law, Government in Australia*. Sydney: The Federation Press.
- Francois Venter. 2000. *Constitutional Comparison, Japan, Germany, Canada & South Africa as Constitutional States*. South Africa: Juta & Co. Ltd.
- Andrew Harding. 1996. *Law, Government and the Constitution of Malaysia*, Malayan Law Journal.

UUUK 6125 - Undang-undang Harta Intelek Lanjutan

Kursus ini membincangkan isu-isu terkini berkaitan dengan undang-undang harta intelek. Perbincangan awal merangkumi undang-undang hakcipta, paten, cap dagang, reka bentuk perindustrian, indikasi geografi, varieti baru tumbuhan dan pengetahuan tradisi. Tumpuan khusus diberikan kepada perbincangan mengenai isu-isu terkini meliputi undang-undang harta intelek dan perdagangan elektronik, akses terhadap sumber genetik dan ilmu tradisi, pemetaan dan pencarian maklumat harta intelek, penguatkuasaan dan penyelesaian pertikaian dan keusahawanan akademik dan pengurusan harta intelek.

Bacaan Asas

- Ida Madieha Azmi. 2012. *Copyright law in Malaysia, Cases and Commentary* 2nd, edition, Thomson Sweet & Maxwell.
- Mergers, Meneli and Lemley, 2012. *Intellectual Property in the New Technological Age*. Wolters Kluwer Law Business.
- Goldstein. 2011. *International Legal Materials on Intellectual Property*, Foundation Press.

Cornish, Liewelyn and Aplin, 2010. *Patents, Copyrights, Trade Marks and Allied Rights*. Sweet & Maxwell.

Khaw Lake Tee. 2008. *Copyright Law in Malaysia*. Edisi ke-3rd Edn. LexisNexis Malaysia.

UUUK 6135 - Undang-undang Perdagangan Antarabangsa Lanjutan

Modul kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kefahaman asas mengenai Undang-Undang Antarabangsa dengan memberi perhatian kepada pemakaian praktikal dan teori undang-undang perniagaan antarabangsa. Ia akan menganalisa cara diorganisasi komuniti antarabangsa dari sudut undang-undang, susunan perundangan dalam perniagaan di negara-negara yang berbeza, dan aspek undang-undang berhubung dengan organisasi perdagangan dan perniagaan. Ia akan menerangkan bagaimana firma yang menjalankan perniagaan di peringkat antarabangsa diuruskan dan diatur dan masalah undang-undang khusus apakah yang sering mereka hadapi. Topik-topik berikut akan disentuh: pengenalan kepada undang-undang antarabangsa dan undang-undang perbandingan, termasuk elemen asas undang-undang antarabangsa awam; pergerakan barangan, termasuk teknik-teknik persendirian beberapa jenis kontrak antarabangsa (termasuk jualan barang, agensi, usahasama, dan pengedaran); pertelingkahan undang-undang (kontrak, harta dan torts); undang-undang jualan antarabangsa (CISG); pengangkutan barangan, pembangunan dan pembiayaan insurans; pelaburan, penyelesaian pertikaian perniagaan antarabangsa di hadapan mahkamah antarabangsa; penyelesaian pertikaian antara pelabur dan negara; penyelesaian pertikaian antarabangsa di mahkamah nasional; dan cara penyelesaian pertikaian alternatif.

Bacaan Asas

Don Mayer, Michael B. Bixby, Ray A. August. 2008. *International Business Law*. Prentice Hall.

Schmitthoff, Clive M. *Schmitthoff's Export Trade : The Law and Practice of International Trade*. Stevens & Sons.

Ivamy, Hardy ER & Powell-Smith Vincent. 2007. *Malaysian Law of Sale of Goods : Cases and Materials*. Butterworths Asia.

Mo, John. 2003. *International Commercial Law*, Australia: Lex in LNexis, Butterworths.

Carr, Indiana. 2005. *International Trade Law*. London: Carendish.

UUUK 6145 - Undang-undang Teknologi Maklumat

Perbincangan bagi kursus ini dimulakan dengan pengenalan kepada teknologi maklumat itu sendiri dan undang-undang berkaitan. Pelajar kemudiannya

44 *Panduan Siswazah*

didedahkan dengan isu-isu tertentu berkaitan;

- harta intelek dalam teknologi maklumat (termasuk perkara-perkara berkaitan perlindungan perisian di Malaysia, United Kingdom dan Amerika Syarikat, paten dan cap dagangan serta perlindungan perisian di peringkat antarabangsa, perlesenan perisian, perlindungan cip semikonduktor, paten dan cap dagangan bagi ciptaan –ciptaan berkaitan komputer, rekabentuk laman web dan nama domain);
- tanggungan pengeluar perisian dan pengguna;
- komunikasi digital dan Internet (termasuk isu-isu berkaitan keterangan berkaitan komputer di mahkamah, Pembekal Maklumat Internet, transaksi komersil di Internet dan pembayaran sertan Penukaran data Elektronik);
- undang-undang persendirian, perlindungan data dan kebebasan maklumat;
- jenayah computer; dan
- kontrak perkakasan komputer dan pengurusan kemudahan/ sumber luaran.

Sepanjang kursus ini, para pelajar perlu mempunyai pengetahuan asas mengenai tajuk dengan membaca buku-buku dan artikel-artikel sebelum mengikuti kuliah. Kelas akan dijalankan berdasarkan forum dan penilaian pelajar akan dibuat berdasarkan kepada pengetahuan mengenai topik berkaitan dan kebolehan menyampaikannya dalam perbincangan serta menjawab soalan yang berkaitan. Soalan-soalan asas ada disertakan dalam rangka kursus.

Bacaan Asas

- Elle Todd, 2008. Gringras: *The Laws of the Internet*, Third Edition, Total Publishing, London.
- B. Fitzgerald, A. Fitzgerald, G. Middleton, Y. Lim, T.Beale, 2007. *Internet and E-Commerce Law, Technology, Law and Policy*. LawBook Co. Sydney.
- C. Reed, J. Angel, 2008. *Computer Law*, 6th Edition, Oxford University Press, Oxford.
- D. Bainbridge, 2003 . *Introduction to Computer Law*, 5th Edition, Pearson Education Ltd. England.
- G.R. Ferrera etl. *Cyber Law*. Text and Cases, 2nd Edition, Thomson, Ohio.

UUUK 6175 - Undang-undang Antarabangsa dan Dunia Ketiga

Kursus ini adalah sesuai untuk pelajar-pelajar yang telah mempunyai latarbelakang undang-undang antarabangsa awam. Pada awalnya akan dikaji apakah yang dimaksudkan dengan “Dunia Ketiga” dan ideologi utama mereka dalam memperjuangkan kedudukan mereka di arena antarabangsa. Isu-isu seperti perancangan kepentingan antara dunia ketiga dengan negara-negara maju (selatan dan utara) yang akan meliputi hak menentukan nasib sendiri, memperbaiki keadilan dalam hubungan dagangan, alam sekitar, pelbagai konsep dalam undang-undang antarabangsa dan juga hak asasi manusia akan dikaji. Kedudukan negara-negara Islam dalam arena undang-undang juga akan dianalisis secara kritis.

Bacaan Asas

- Mashood A. Baderin, 2008, *International Law and Islamic Law (The Library of Essays in International Law)*, Ashgate.
- Synder and Sathirathai. 1997. *Third World Attitudes Towards International Law*. Nartinus Nijhoff Publishers.
- Rohimi Hj. Shapiee. 1994. *Third Generation Human Rights : Right of Third World Conception and Policy Consideration*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Anand.1987. *International Law and Developing Countries : Confrontation or Cooperation*. Martinus Nijhoff Publishers.
- Marasinghe and Conklin (Eds). 1984. *Essays on Third World Perspectives in Jurisprudence*. Singapore: Malaysian Law Journal.

UUUK 6185 - Undang-undang Laut Antarabangsa

Fokus utama kepada kursus ini ialah memperkenalkan para pelajar mengenai Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982. Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Undang-undang Laut 1982 melambangkan hasil tolak ansur dan pertimbangan yang diberikan antara keselamatan dan kepentingan ekonomi pelbagai kumpulan negara termasuk negara-negara maju, negara-negara perairan pantai, negara-negara ‘archipelagic’ (kepulauan), negara-negara yang tidak mempunyai pantai, negara-negara yang mempunyai selat dan lain-lain. Seterusnya kursus ini mendedahkan kepada para pelajar mengenai hak-hak serta tanggungjawab-tanggungjawab negara perairan pantai dan hak-hak serta tanggungjawab negara-negara pengguna laut. Kursus ini juga memperkenalkan kepada para pelajar mengenai pembahagian sempadan laut sesebuah negara perairan pantai seperti sempadan perairan dalaman, wilayah laut, zon berdampungan, zon ekonomi eksklusif, laut lepas dan lain-lain. Kursus ini juga membincangkan mengenai peraturan-peraturan lain yang melibatkan penggunaan laut seperti pelayaran kapal-kapal, perlanunan, perikanan, perlindungan dan pemuliharaan persekitaran marin, mekanisme penyelesaian pertelingkahan, hak-hak negara yang tidak mempunyai pantai dan lain-lain.

Bacaan Asas

- Tanaka, Yoshifumi. 2012. *The International Law of the Sea*. Cambridge University Press.
- Klein, Natalie. 2011. *Maritime Security and Law of the Sea*. Oxford University Press.
- Symmons, Clive R., ed. 2011. *Selected Contemporary Issues in the Law of the Sea*. Vol. 68. Martinus Nijhoff Publishers.
- Mary George. 2008. *Legal Regime of The Straits Of Melacca And Singapore, Malaysia*: Lexis Nexis.
- United Nations Convention on the Law of the Sea 1982. *UNITED NATIONS*, (1982 LOSC).

UUUK 6195 - Undang-undang Perubatan

Kursus ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, ia merujuk kepada pelbagai isu semasa dalam penjagaan kesihatan. Disebabkan perkembangan teknologi perubatan yang pesat, doktor akan berhadapan dengan dilema terutama apabila membuat keputusan yang berkait dengan hidup mati seseorang. Selanjutnya, untuk mengenalpasti konflik yang timbul dalam penjagaan dan polisi kesihatan akibat dari sumber ekonomi yang semakin berkurangan. Akhirnya untuk mempertimbangkan hak-hak pesakit dalam sistem penjagaan kesihatan. Bahagian kedua pula akan membincangkan tentang Undang-undang dan amalan perubatan. Pelajar akan diperkenalkan dengan Sistem Penjagaan kesihatan, masalah dan cabarannya sebelum menjurus ke arah hak dan tanggungan kakitangan kesihatan. Tumpuan lebih diberi kepada perhubungan doktor-pesakit yang melibatkan isu izin bermaklumat, kecuai perubatan dan tanggungjawab utama hospital. Bahagian ketiga akan merujuk kepada Undang-undang dan etika perubatan. Ia akan menekankan tentang hubungan dan pertembungan nilai moral, etika dan perundangan dalam menangani isu-isu bioetika. Kes- kes dari bidangkuasa luar akan dipertimbangkan untuk kita lebih memahami dan menghayati sistem nilai masyarakat tempatan.

Bacaan Asas

Anisah Che Ngah. 2007. *Perkembangan Undang-undang Perubatan di Malaysia : Cabaran dan Masa Depan*, dalam Undang-undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman, Fakulti Undang-Undang, UKM.

Puteri Nemie Jahn Kassim. 2003. *Medical Negligence Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: ILBS.

Puteri Nemie, et.al. 2003. *Issues in Medical Law and Ethics*. IIUM : Law Centre.

Kennedy & Grubb. 1994. *Medical Law : Texts with Materials*. London: Butterworths.

A. Yaqin. 1992. *Law and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: ILBS.

UUUK 6205 - Gender dan Undang-undang

Kursus ini memberi pendedahan mengenai pelajar mengenai pengaruh gender dalam pembentukan dan pentafsiran undang-undang di Malaysia. Pelajar akan diperkenalkan kepada perkembangan teori-teori berkaitan gender seperti jurispruden feminisme, sosio-psikologi, seksualiti, peranan gender dan sebagainya. Pendekatan mikro dan makro akan dilakukan terhadap isu-isu perundangan melibatkan hubungan kuasa, ketidaksamataan, diskriminasi seksual, stratifikasi gender, peranan dan hubungan gender, lompong gender, dan bahasa gender. Hubungan gender dan undang-undang dalam aspek-aspek tertentu seperti kekeluargaan, pekerjaan, keganasan dan jenayah, etika, seksualiti, agama dan budaya akan dikaji. Kajian akan melihat sejauhmana perundangan Malaysia seperti Perlembagaan Persekutuan, Malaysia, undang-undang keluarga, undang-

undang keganasan rumahtangga, Kanun Keseksaan dan undang-undang buruh memberi perlindungan kepada kelompok gender. Perundangan luar negara dirujuk sebagai perbandingan dengan kedudukan perundangan Malaysia.

Bacaan Asas

- Butler, Judith. 2004. *Undoing Gender*; Routledge Boca Raton, F.L.
Gregory, R.F. 2003. *Women and Workplace Discrimination: Overcoming Barriers to Gender Equality*. New Brunswick, NJ (New): Rutgers University Press.
Zaleha Kamaruddin. 1999. *Wanita dan Keadilan*. Kuala Lumpur: ANZ.
Nicholson, John. Padilah Ali. (terje.) 1997. *Lelaki & Perempuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
England, P, ed. 1993. *Theory on Gender*. New York: Aldine De Gruyter.

UUUK 6215 - Metodologi Penyelidikan

Pelajar akan didedahkan kepada beberapa teori, pendekatan dan proses penyelidikan undang-undang (iaitu, Undang-undang Sivill dan Syariah) serta penyelidikan sosio-perundangan dengan tujuan bagi membolehkan mereka menyediakan kertas cadangan penyelidikan yang baik, dan seterusnya di akhir pengajian masing-masing nanti, diharapkan akan berupaya menghasilkan tesis (di mana perlu) undang-undang atau sosio-perundangan yang berkualiti tinggi. Pelajar akan dibimbing tentang langkah-langkah yang perlu diikuti dalam menjalankan penyelidikan, termasuklah mencari topik tesis yang sesuai dan logik, mengenal pasti isu-isu (seperti apakah isu-isu penting dan sampingan) dalam lingkungan topik yang dipilih, cara-cara mengolah topik, mengolah permasalahan tesis, mengolah hipotesis (di mana relevan), cara-cara membuat ulasan kepustakaan, mencari maklumat secara elektronik, teknik-teknik pengumpulan data, menganalisis data dan mentafsirkan data, etika penyelidikan, dan tidak ketinggalan juga, Penulisan Gaya UKM serta 'Footnoting the FUU Style' (berkaitan sistem rujukan maklumat dalam penulisan tesis undang-undang di Fakulti Undang-undang UKM) dan lain-lain lagi. Meskipun terdapat pendedahan kepada cara-cara penyelidikan sains sosial, tumpuan atau penekanan akan diberikan kepada penyelidikan undang-undang itu sendiri (iaitu, penyelidikan yang bersifat teori dan doktrinal). Bagi tujuan tersebut topik-topik yang akan dibincangkan termasuklah perspektif-perspektif teori undang-undang, seperti, Positivisme, Feminisme, Realisme, Weber, Foucault, Marx dll., penganalisaan peruntukan-peruntukan statut, penganalisaan kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah, pentafsiran undang-undang, perbandingan secara kritis dan analitis sesuatu bahan perundangan dan lain-lain kaedah perundangan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, ini tidak semestinya bermaksud bahawa penyelidikan ke atas fenomena undang-undang secara empirik akan dipinggirkan sewenang-wenangnya.

48 *Panduan Siswazah*

Bacaan Asas

- Punch, Keith F. 1998. *Introduction to Social Research-Quantitative and Qualitative Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Neuman, W. Lawrence. 1997. *Social Research Methods*. Edisi ke-3. U.S.A.: Allyn & Bacon.
- Babbie, Earl. 1995. *The Practice of Social Research*. Edisi ke-7. USA: Wardsworth Publishing Co.
- Burguess Robert G. 1986. *In the Field: a Sourcebook and Field Research*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Dernbach, John C. & Singleton II. 1981. *A Practical Guide to Legal Writing and Legal Method*. U.S.A: Fred B. Rothman & Co.

UUUK 6225 - Undang-undang Peraturan Sekuriti

Kursus ini merangkumi empat bidang utama. Perbincangan utama termasuk skop 'sekuriti' iaitu termasuk 'equity' dan 'debt securities' serta perkembangan sejarah sekuriti di Malaysia. Ini meliputi skop instrumen seperti bon, nota promisori, sijil deposit, 'commercial paper' dan instrumen 'debt securities' yang terkini seperti 'derivatives', 'swaps' serta 'convertibles'. Pelajar akan mengkaji tafsiran undang-undang berkaitan dengan instrumen dan sejauh mana instrumen-instrumen tersebut dapat dikawal oleh perundangan atau oleh indeks penentu kewangan dan faktor-faktor ekonomi semasa yang lain. Kedua, kursus ini akan membincangkan peraturan-peraturan berkaitan dengan penawaran sekuriti serta peraturan bagi bentuk-bentuk 'corporate proposal' di Malaysia seperti cadangan bagi pengambilalihan (take over) atau percantuman (merger). Peraturan-peraturan berkaitan yang dikaji termasuk Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Syarikat 1965, Peraturan- Peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Kod Pengambilalihan dan Percantuman 1998. Aspek ketiga meliputi kesalahan dan jenayah berkaitan dengan sekuriti. Perbincangan termasuk liabiliti yang berkaitan dengan penawaran sekuriti, liabiliti berkaitan urusan dan dagangan dalam sekuriti serta liabiliti terhadap pihak yang mempunyai kapasiti menasihat dalam urusan sekuriti seperti liabiliti pengarah dan ejen kewangan yang lain seperti broker, 'underwriter', analisis kewangan dan pelaburan, akauntan, pengurus tabung amanah serta pihak-pihak lain yang berkaitan. Akhir sekali, kursus ini akan membincangkan tentang bentuk-bentuk perlindungan serta remedi yang diberi kepada pelabur sekuriti di Malaysia. Ini termasuk bentuk perlindungan di bawah statut serta di bawah common law dan permasalahan yang berbangkit daripada penguatkuasaan remedi tersebut.

Bacaan Asas

- Aishah Bidin et al. 2008. *Commercial Application of Malaysian Company Law*. Singapore: CCH.

- L.C.Keong. 1997. *Securities Regulation in Malaysia*. Kuala Lumpur: MLJ.
- Aishah Bidin. 1996. *Undang-undang Syarikat di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.
- White. 1992. *Regulation of Securities and Futures Dealing*. London: Sweet & Maxwell.
- Fisher and Bewsey. 1977. *The Law of Investor Protection*. London: Sweet & Maxwell.

UUUK 6235 - Undang-undang Insolvensi

Kursus ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan konsep penting dalam insolvensi seperti konsep penggulangan dan perbezaan dengan bankrapsi. Pelajar-pelajar akan mengkaji cara-cara dan alasan serta prosedur bagi petisyen penggulangan di Malaysia. Selain dari itu peranan yang dimainkan oleh penyelesaian (liquidator) dan penerima (receiver) juga akan dikaji iaitu setakat mana keberkesanan tugas mereka dalam mengawalselia peraturan dan proses insolvensi di samping kepentingan pihak tertentu yang perlu dipelihara oleh pihak-pihak tersebut. Ketiga, kursus ini juga akan membincangkan mekanisma tertentu untuk menyelamatkan syarikat (corporate rescue regime). Ini termasuk skema di bawah Akta Syarikat 1965 dan langkah-langkah melalui Kod Pengambilalihan dan Percantuman 1998. Perbincangan tajuk ini juga merangkumi mekanisma yang dikawalselia oleh pihak berkuasa seperti tindakan undang-undang di bawah Akta Pengurusan Danaharta 1998, proses penyelesaian oleh Danamodal dan tindakan penyusunan semula hutang oleh pihak CDRC (Corporate Debt Restructuring Committee) di bawah pemantauan Bank Negara Malaysia. Salah satu aspek penting undang-undang insolvensi ialah berkaitan dengan keutamaan pembayaran terhadap pihak kreditor syarikat dan pihak lain yang mempunyai kepentingan terhadap syarikat tersebut. Ini akan dikaji dari perspektif pemegang syer, kreditor, pekerja syarikat dan lain- lain lagi. Kursus ini diakhiri dengan menilai setakat mana insolvensi memberi kesan terhadap pihak tertentu. Termasuk kesan terhadap para pelabur, kesan terhadap pengurusan dan aset syarikat serta pasaran ekonomi secara amnya.

Bacaan Asas

- Aishah Bidin et al. 2008. *Commercial Application of Malaysian Company Law*. Singapore: CCH.
- Goode, R.G. 2005. *Principles of Corporate Insolvency Law*. Edisi ke-3. London: Sweet & Maxwell.
- Keay, A & Murray, M. 2002. *Insolvency: Personel and Corporate Law and Practice*. Lawbook Company, A Thompson Company.
- Finch, V. 2002. *Corporate Insolvency Law: Perspectives and Principles*. Cambridge University Press.
- Aishah Bidin. 1996. *Undang-undang Syarikat di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP

UUUK 6245 - Undang-undang Jualan Barang Lanjutan

Secara keseluruhannya kursus ini menyentuh tiga (3) aspek utama undang-undang jualan barang tempatan, dilihat melalui perspektif perlindungan pengguna:

- i. Konsep landasan: Para pelajar akan didedahkan pada beberapa konsep utama pembentukan undang-undang jualan barang; *inter alia*, 'market individualism' dan 'consumer welfarism'; 'caveat emptor' dan 'caveat venditor'; konsep kebebasan berkontrak; ketidakseimbangan kuasa berunding 'good faith and fair dealing'; kewajaran kontrak; kemunasabahan; dan konsep priviti dalam transaksi jualan barang.
- ii. Peruntukan perundangan substantif: Pelajar akan mengkaji keberkesanan undang-undang substantif jualan barang seperti mana yang terkandung dalam Akta Jualan Barangan 1957 dan Akta Pelindungan Pengguna 1999 yang melindungi penjual dan pembeli. Di bawah aspek ini juga para pelajar akan didedahkan kepada peruntukan yang menyentuh tentang obligasi pembekal dan pengilang khususnya berkaitan dengan garenti barang, keselamatan barang dan liabiliti produk.
- iii. Akses kepada keadilan: Para pelajar akan didedahkan kepada mekanisme penyelesaian pertikaian perdagangan, khususnya bagi jualan barang. Selain litigasi di mahkamah pelajar akan diperkenalkan kepada beberapa mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif seperti pengantaraan, timbangrata, dan tribunal.

Ketiga-tiga aspek di atas akan dilihat melalui pendekatan sejarah dan jurispruden, analitis dan kritis serta perbandingan, mengambilkira perkembangan terkini di negara-negara ASEAN khususnya serta beberapa negara maju seperti United Kingdom, Kesatuan Eropah dan Australia.

Bacaan Asas

- Ramsay, I. 2012. *Consumer Law & Policy, Text and Materials on Regulating Consumer Market* Hart Publishing, Oxford.
- Macleod, J. 2012. *Consumer Sales Law*. Routledge-Cavendish.
- Nor 'Adha Ab Hamid & Sakina Shaik Ahmad Yusoff. 2011. *Pertikaian Perdagangan Pengguna Penyelesaian Pertikaian Alternatif di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atiyah, P.S. & Adams, J. MacQueen H. 2010. *Atiyah's Sales of Goods*. Longman.
- Guest, A.G. (ed.). 2009. *Benjamin's Sale of Goods*. Sweet & Maxwell.

UUUK 6255 - Undang-undang Ekonomi Antarabangsa

Undang-undang Ekonomi Antarabangsa adalah satu kursus yang agak luas, yang mengkaji keseluruhan organisasi undang-undang awam mengenai hubungan ekonomi komuniti antarabangsa. Kursus ini membawa pelajar mengkaji tiga cabangan utama hubungan ekonomi antarabangsa dari perspektif undang-undang antarabangsa, iaitu : perdagangan antarabangsa dalam barangan dan perkhidmatan dan topik-topik berkaitan dengannya; hubungan matawang dan kewangan antarabangsa; dan, kerjasama antarabangsa mengenai pembangunan. Justeru, kursus ini melibatkan pengkajian aspek undang-undang antarabangsa awam yang melibatkan prinsip-prinsip, norma dan polisi mengenai : perdagangan antarabangsa yang ditadbir oleh Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO), hubungan matawang dan kewangan antarabangsa dalam hubungannya dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF); dan kerangka pembangunan antarabangsa Bank Dunia yang dibandingkan dengan pendekatan-pendekatan PBB dan lain-lain pendekatan sejagat/serantau. Penekanan juga akan diberi kepada konteks politik di mana WTO/IMF/Bank Dunia beroperasi. Dalam konteks ini, kursus akan melihat peranan negara-negara membangun/Islam dan kedudukan pandangan budaya dan agama mengenai pembangunan di dalam dan melampaui sistem WTO/IMF/Bank Dunia. Matawang dan pasaran tukaran, dan tema-tema berkaitan dengan pembangunan antarabangsa akan juga dibincangkan dari pendekatan Inter-disiplinari.

Ini adalah kursus undang-undang antarabangsa lanjutan. Walau bagaimanapun, satu pengenalan awal kepada undang-undang antarabangsa awam akan dilakukan bagi membantu pelajar-pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan asas dalam undang-undang antarabangsa. Pengetahuan mengenai ilmu ekonomi tidaklah diperlukan.

Bacaan Asas

Mario Giovanoli (Editor), Diego Devos (Editor), 2010. *International Monetary and Financial Law: The Global Crisis*, OUP Oxford.

Asif H. Qureshi. (Author), Andreas Ziegler (Author), 2007, *International Economic Law*, Sweet & Maxwell; 2nd. edition.

J. Linarelli. 2004. *International Economic Law*. Butterworths.

John Jackson, William Davey & Alan Sykes. 2002. *Legal Problem of International Economic Relations*. Edisi ke-4. West Group.

John Jackson, 1997. *The World Trading System*. Edisi ke-2. MIT Press.

UUUK 6265 - Undang-undang Syarikat Lanjutan

Kursus ini bertujuan memberikan pelajar satu pemahaman mengenai undang-undang dan amalan bagi undang-undang syarikat. Kursus ini mempunyai skop yang luas meliputi hampir keseluruhan prinsip dan konsep penting undang-undang syarikat termasuklah tabir korporat; jenis firma; tugas dan tanggungjawab pengarah; pengendalian mesyuarat pemegang saham; remedi bagi pemegang saham; kuasa tawar-menawar kreditor dan regim insolvensi; tanggungjawab jenayah korporat; percantuman dan pengambil alihan; dan syarikat kumpulan, multinasional serta transnasional. Pandangan-pandangan perbandingan daripada bidang kuasa 'common law' yang lain Australia juga akan dimasukkan. Adalah menjadi sebahagian daripada tujuan kursus ini untuk memberikan penekanan kepada pelajar supaya memahami setakat mana undang-undang syarikat dan amalannya di Malaysia benar-benar menggambarkan keperluan dan keadaan Malaysia. Kursus secara pengajaran ini merupakan gabungan antara siri syarahan pendek dan seminar. Pelajar adalah dikehendaki dalam persediaan seminar untuk mencari dan membaca bahan-bahan yang relevan yang telah ditetapkan sebelum setiap seminar, dan ini mungkin termasuk persediaan membuat pembentangan.

Bacaan Asas

- Aishah Bidin *et al.* 2008. *Commercial Application of Malaysian Company Law*. Singapore: CCH Asia Pte Ltd.
- Davies, Paul. L. 2003. *Gower and Davies' Principles of Modern Company Law*. Edisi ke-7. London: Sweet & Maxwell.
- Kala Anandarajah. 2001. *Corporate Governance - Practical Approach*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Farrar, John. 1998. *Company Law*. Edisi ke-4. London : Butterworths.
- Cheffins, Brian R. 1997. *Company Law: Theory, Structure and Operation*. New York: Oxford University Press.

UUUK 6275 - Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa

Kursus ini akan memberi kefahaman mengenai undang-undang hak asasi manusia antarabangsa kepada semua pelajar yang mengikuti program LLM. Kursus ini akan membincangkan secara menyeluruh dan mendalam mengenai beberapa hak asasi yang berada di bawah kategori (i) hak asasi sivil dan politik; dan (ii) hak asasi ekonomi, sosial dan budaya yang dilindungi oleh instrumen-instrumen undang-undang antarabangsa. Kursus ini juga akan membincangkan mengenai sistem undang-undang antarabangsa dan serantau yang sediada bagi melindungi hak asasi manusia. Tumpuan khusus akan diberi kepada sistem hak asasi di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan sistem hak asasi serantau bagi benua-benua Eropah, Amerika, Afrika dan Asia. Kajian terhadap prinsip hak asasi manusia menurut undang-undang Islam (khususnya di kalangan negara-negara anggota OIC) akan juga dijalankan di sepanjang tempoh kursus ini. Selanjutnya kursus ini akan menjalankan kajian perbandingan di antara perlindungan hak asasi manusia menurut undang-undang antarabangsa dan perlindungan hak asasi manusia menurut undang-undang Islam. Fungsi badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain “non-states actors” akan juga menjadi sebahagian dari kajian dalam kursus ini.

Bacaan Asas

- R.K.M. Smith, 2005. *Textbook on International Human Rights*, 2nd ed. Oxford University Press: Oxford.
- J. Donnelly, 2003. *Universal Human Rights in Theory and Practice*, 2nd ed., Cornell University Press: Ithaca.
- M.A. Baderin, 2003. *International Human Rights and Islamic Law*, Oxford University Press: Oxford.
- J. Donnelly, 2003. *Universal Human Rights Practice*, 2nd ed., Cornell University Press: Ithaca.
- P. Alston (ed.), 1992. *The United Nations and Human Rights: A Critical Appraisal*, Oxford University Press: Oxford.

UUUK 6285 - Undang-undang Persaingan

Matlamat utama kursus ini adalah untuk memberikan pelajar pengetahuan berkenaan teras kepada undang-undang persaingan. Halangan-halangan ini akan dikaji serta di bandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat di beberapa buah negara. Pertama sekali pelajar akan diperkenalkan kepada konsep utama berkaitan dengan undang-undang persaingan. Kemudian pelajar akan diketengahkan dengan halangan-halangan di bawah undang-undang persaingan. Konsep seperti “persaingan”, “pasaran”, “kuasa pasaran/kedudukan dominan” “pengurangan persaingan yang cukup besar” akan dibincangkan untuk memberi pemahaman berkenaan larangan-larangan yang terdapat dalam undang-undang persaingan. Larangan yang akan dibincangkan terbahagi kepada tiga iaitu larangan terhadap perjanjian menegak dan mendatar dan penyalahgunaan kedudukan dominan. Selain larangan dalam undang-undang persaingan, kebenaran dan pengecualian juga akan dibincangkan. Akhir sekali kursus ini melihat bagaimana persaingan di kawal di beberapa sektor spesifik seperti sektor komunikasi elektronik, harta intelek, pengangkutan dan utiliti.

Bacaan Asas

- Roth, Peter & Rose, Vivien. (Eds.). 2008. *Bellamy & Child European Community Law of Competition*. 6th Edition. Oxford: Oxford University Press.
- Korah, Valentine. 2007. *An Introductory Guide to EC Competition Law and Practice*. 9th Edition. Oxford: Hart Publishing.
- Taylor, M. 2006. *International Competition Law : A New Dimension for the WTO?* Cambridge: Cambridge University Press.
- Black, Oliver. 2005. *Conceptual Foundations of Antitrust*. Cambridge: Cambridge University Press.

UUUK 6295 - Undang-undang Warisan

Kursus ini akan mengkaji pelbagai isu perundangan mengenai warisan yang melibatkan alam sekitar kebudayaan dan yang asli, samaada dalam bentuk objek atau tapak warisan, dan merangkumi warisan nyata dan tidak nyata serta warisan kebudayaan bawah air mahupun di darat. Isu utama akan dikupas dalam konteks undang-undang antarabangsa dan juga pemakaiannya di peringkat domestik melalui pelaksanaan undang-undang domestik agar pelajar dapat menilai keluasan undang-undang warisan. Undang-undang Malaysia akan dijadikan fokus perbincangan berpandukan norma dan prinsip undang-undang antarabangsa. Lapisan pertama kursus ini akan melihat isu-isu asas seperti faktor sosial dan ekonomi, teori serta perkembangan awal undang-undang warisan. Perbincangan ini akan diikuti dengan masalah penakrifan warisan dalam teks, kerangka serta sumber perundangan. Lapisan seterusnya akan memperlihatkan dan memperbincangkan konsep dan prinsip teras mengenai undang-undang warisan serta pihak yang memainkan peranan penting dalam governan warisan sejagat dan domestik. Pelajar juga membincangkan persoalan interaksi dan hubungkait pelbagai bidang undang-undang yang melibatkan isu warisan. Antara lainnya, pelajar akan membincangkan sejauhmana undang-undang hakcipta berkait dengan permasalahan warisan kebudayaan tidak nyata; konflik yang wujud antara undang-undang laut antarabangsa dan undang-undang warisan serta samaada korpus undang-undang alam sekitar yang sedia ada itu menyokong perkembangan undang-undang warisan. Selain dari itu, kursus ini juga akan membincangkan pelbagai mekanisma perundangan yang ada bagi memelihara warisan dan ini akan melibatkan persoalan bidangkuasa, hakmilik, mekanisma kawalan dan penyelesaian pertelingkahan. Lawatan ke tapak warisan semulajadi dan kebudayaan atau diskusi bersama badan bukan kerajaan juga akan dilakukan.

Bacaan Asas

- Boyle E, A, Birnie, P., and Redgewell, C. 2009. *International Law and Environment. 3rd Edition. Oxford: Oxford University Press.*
- Boer, B. 2007. *Heritage Conservation Law in Local Government, Planning and Environment Service.* Butterworth/Lexis.
- Boer, B., and Wiffen, G. 2006. *Heritage Law in Australia.* Oxford: Oxford University Press.
- Dromgoole, S. 2006. *National Perspectives in the Light of the UNESCO Convention of the Protection of Underwater Cultural Heritage.* 2nd Edition. London: Kluwer Law International.
- Davison, G. 1987. *What makes a building historic?* Heritage Australia 6(2): 21

UUUK 6305 - Undang-undang Pelancongan Lanjutan

Kursus ini mempunyai skop yang luas. Ia meliputi perbincangan industry pelancongan yang menjadi semakin penting kepada pembangunan social dan ekonomi kepada hamper semua negara di dunia. Kursus ini bermula dengan perkembangan sejarah perundangan pelancongan di Malaysia serta perbezaan perundangan antara pelancong tempatan dan luar Negara dari segi hak dan tanggungjawab mereka. Kemudian, kursus ini membincangkan konsep pengurusan dan layanan baik terhadap tetamu dalam pelancongan serta galakkan dan tarikan pelancongan dari segi hak perundangan dan remedy mereka. Selain dari itu, perbincangan juga berfokus kepada peranan undang-undang serta agensi kerajaan dalam aktiviti dan produk pelancongan termasuk perundangan dalam industry pelancongan, undang-undang bagi lessen pemandu pelancong, lesen kenderaan dll dan hak serta tanggungjawab pemandu pelancong. Akhirsekali, kursus ini akan membincangkan juga jenis-jenis pelancongan termasuk pelancongan jenayah, persaingan undang-undang, pelancongan Islam dan lain-lain. Perbezaan antara bidangkuasa-bidangkuasa lain akan dibincangkan sepanjang kursus terutamanya United Kingdom dan Australia.

Bacaan Asas

- Sheikh Bilal. 2013. *Tourism and Hospitality Law*. United States: Lambert Academic Publishing.
- A.M. Munar, S. Gyimothy & L. Cai (editors). 2013. *Tourism Social Media: Transformations in Identity, Community and Culture (Tourism Social Science Series)*. United Kingdom: Emerald Group Publishing Limited.
- E. Becker. 2013. *Overbooked: The Exploding Business Of Travel And Tourism*. United States: Simon & Schuster.
- P. Robinson, M. Luck & S.L.J. Smith. 2013. *Tourism*. United States: CABI/ Stylus Publishing.
- G. Ashworth & B. Goodall. 2012. *Marketing Tourism Places*. United Kingdom: Routledge.

UUUK 6325 - Undang-undang Antarabangsa Dan Orang Asal Lanjutan

Dari segi kandungan kursus, topik-topik penting di bawah undang-undang antarabangsa dan kaitannya dengan orang asal telah dipilih untuk tujuan perbincangan. Perbincangan akan dibuat secara menyeluruh dan mendalam mengenai topik-topik yang terdiri daripada sejarah perkembangan undang-undang orang asal, identiti orang asal, hak-hak terhadap tanah, self-determination dan harta intelek. Di bahagian kedua pula, kursus ini akan melihat pengaruh dan kesan pemanasan global dan pembangunan mapan terhadap orang asal, kedudukan wanita dan kanak-kanak orang asal, mekanisma penguatkuasaan undang-undang orang asal dan peranan badan-badan bukan kerajaan dan pertubuhan orang asal dalam membantu orang asal memperjuang dan melindungi hak mereka. Kesemua topik ini akan dikaji dari perspektif undang-undang antarabangsa, serantau dan domestik. Melalui perbincangan di atas, pelajar Sarjana Undang-undang yang mengikuti kursus ini mampu mengenalpasti dan memahami prinsip-prinsip asas undang-undang antarabangsa, undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan undang-undang domestik berkaitan hak asasi orang asal. Pelajar seterusnya mampu mengaitkan isu-isu serta masalah-masalah pencabulan hak orang asal dengan prinsip-prinsip asas undang-undang yang relevan. Setelah melakukan analisa, pelajar mampu mengaplikasikan prinsip-prinsip asas undang-undang yang relevan dalam penyelesaian mana-mana isu atau masalah pencabulan hak orang asal.

Bacaan Asas

- Claire Charters, 2010, *Indigenous Voices: The UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples*
- A.I., Connolly, (ed.) 2009. *Indigenous Rights*. Ashgate Publishing: Burlington, USA.
- Anaya, S. James, 2009, *International Human Rights and Indigenous Peoples* (Elective Series) Walters Kluwer, Aspen Publishers
- Federico Lenzerini (ed.), 2009. *Reparations for Indigenous Peoples: International and Comparative Perspectives*, Oxford University Press, USA.
- Summer, J., 2007. *Peoples and International Law: How the Right of Self-Determination and Nationalism Shape a Contemporary Law of Nations*, Brill, Leiden.

UUUK 6335 - Undang-undang Migrasi

Undang-undang Migrasi merupakan sebahagian undang-undang awam dan meliputi kerangka perundangan negara yang mengurus dan mengawal pergerakan keluar –masuk warganegaraanya dan orang asing ke Malaysia. Kursus ini akan mengfokus kepada beberapa aspek perundangan yang memberi kuasa dan mengurus hal-ehwal migrasi seperti Perlembagaan Persekutuan, pelaksanaan serta penguatkuasaan pelbagai jabatan yang pentadbiran hal-ehwal keimigrasian, sekuriti persempadanan wilayah dan hal-hal lain termasuk sosial dan politik yang melibatkan instrumen, perjanjian dan perundangan imigrasi Antarabangsa. Pelajar juga akan diberi kefahaman berkaitan istilah-istilah berkaitan migrasi, pihak berkuasa negeri dan tanggungjawab Negara (politik dan sosial) berhubung kewarganegaraan, penerimaan masuk dan penghantaran keluar, penempatan dan penempatan semula, penahanan dan Pemulangan. Turut di kaji hak dan obligasi berkaitan buruh migran, aktiviti pemerdagangan dan penyeludupan manusia, golongan tanpa negara dan sekuriti Negara, migrasi yang di paksaan (politik dan sosial) serta Pembangunan Kerjasama Antarabangsa dan kerangka Perundangan yang mengawal aktiviti migrasi dan kestabilan di rantau Asean.

Bacaan Asas

- Newman, L. 2011. *What Rights Should Illegal Immigrants Have?* San Diego: Greenhaven Press.
- McAdam, J. 2008. *Forced Migration, Human Rights and Security*. Oxford: Hart Publications.
- Cholewinski, R, Perruchoud, R & Macdonald, E. 2007. *International Migration Law: Developing Paradigms and Key Challenges*. Cambridge: Cambridge University Press
- Perruchoud, R & Tomolova, K. 2007. *Compendium of International Migration Law Instruments*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ozden, C & Schiff, M. 2007. *International Migration, Economic Development & Policy*. Basingstoke: Pargrave.

UUUK 6345 - Undang-undang Pembangunan Antarabangsa

Kursus ini akan melihat matlamat pembangunan antarabangsa dan aspek perundangan yang membantu atau menghalang proses pembangunan tersebut. Pembangunan juga akan ditinjau dari sudut metod teknikal yang digunakan untuk mempercepatkan lagi proses pembangunan sebagaimana yang dinyatakan pada sasaran domestik dan antarabangsa dengan mengambil kira semua pandangan dan perspektif di atas isu-isu yang diketengahkan melalui bantuan ekonomi kepada golongan dan negara kurang membangun. Fokus akan diberikan kepada pembangunan antarabangsa dengan dibuat perbandingan kepada proses pembangunan domestik negara-negara maju. Kursus ini juga akan melihat dengan mendalam isu-isu kemiskinan, rejim bantuan antarabangsa dan bilateral, bantuan untuk perdagangan, penyertaan dalam pembangunan melawan pelan berpusat, pemakaian teknologi terkini untuk pembangunan, peranan pasaran dan perdagangan bebas, hubungan di antara pembangunan dan kesihatan, hak-hak wanita dan peribumi dan tidak ketinggalan juga hubungan antara pembangunan dan hak asasi manusia.

Bacaan Asas

- Sarkar, R. 2010. *International Development Law: Rule of Law, Human Rights, & Global Finance*, New York: Oxford University Press.
- Fennell, S. 2009. *Rules, Rubrics and Riches: The Relationship between Law, Institutions and International Development*. London: Routledge-Cavendish.
- Ichimura, S & Roy Bahl, 2009. *Decentralization Policies in Asian Development*, New Jersey: World Scientific.
- Collier, P & Gunning, J.W., 2008. *Globalization and Poverty (Vol. I-III)*. Massachusetts: Edward Elgar Publishing, Inc.
- Capaldo, G.Z. 2008. *The Pillars of Global Law*. Hampshire: Ashgate Publishing Limited.
- A.F. Munir Maniruzzaman, 2008. *Some Aspects of International Development Law*. Paris: UNESCO's Global Project on Encyclopedia of Life Support Systems.

UUUK 6355 - Undang-undang Koroner

Kursus ini akan melihat konsep dan objektif siasatan kematian oleh Koroner dan aspek perundangan yang membantu proses penyiasatan tersebut. Proses siasatan juga akan ditinjau dari pelbagai aspek seperti dari sudut metod teknikal, prosedur dan operasi pelaksanaan yang digunakan untuk pengendalian proses siasatan dan inkuiri kematian. Fokus akan diberikan kepada penyiasatan oleh Koroner berdasarkan bidang kuasa kehakiman inkuisitorial dengan dibuat perbandingan kepada proses siasatan kematian di negara-negara komanwel. Kursus ini juga akan melihat perspektif sejarah dan perkembangan, dan mediko-legal di mana para pelajar akan melihat dengan mendalam isu-isu prosedur pelaporan kematian, siasatan awal, peranan pihak-pihak berkaitan seperti polis dan ahli patologi forensik dan hak pihak-pihak berkepentingan khususnya penglibatan waris atau keluarga si mati dalam proses siasatan. Penelitian mendalam terhadap institusi koronial untuk membendung kematian berulang turut mengambil tempat bersama dengan perbincangan berkaitan hubungan kait siasatan dengan aplikasi prinsip hak asasi manusia dan cabaran serta permasalahan sistem koronial masa kini.

Bacaan Asas

- Matthews, P. 2011. *Jervis on the Office and Duties of Coroners, (12th Rev. Ed.) (4th Supplement)*, London: Sweet & Maxwell.
- Lee Eng Hin and Others. 2008. *Coroner's Practice in Medical Cases*. Academy Publishing. Singapore Academy of Law.
- Kasinathan Nadeson. 2007. *Forensic Medicine and Science for Malaysian Lawyers*. Lexis Nexis. Malaysia
- Freckelton I. & Ranson D. 2006. *Death Investigation and the Coroner's Inquest*. New York: Oxford University Press.
- Dorries, C. 2004. *Coroner's Courts a Guide to Law and Practice*. Ed. New York: Oxford University Press.

UUUK 6365 - Undang-undang Sukan Lanjutan

Kandungan kursus bertujuan membincangkan secara mendalam dan terperinci topik-topik penting di bawah undang-undang sukan. Topik tersebut meliputi sejarah perkembangan undang-undang sukan dan undang-undang permainan; akta dan polisi (antarabangsa); dan governans (badan sukan dunia). Isu perundangan domestik dan antarabangsa dalam hak berkaitan kontrak perkhidmatan, hak komersial dan harta intelek serta kesalahan serangan pemasaran berkaitan sukan akan dibincangkan. Di bahagian kedua pula, kursus ini menganalisis isu perundangan antarabangsa berkaitan hak asasi dan diskriminasi terhadap hak wanita dan kanak-kanak; permasalahan doping antarabangsa dan tatacaranya; pertaruhan dan perjudian sukan antarabangsa; penyokong ganas dan pengurusan berisiko khususnya dalam kawal-seliaan acara dan pengurusan stadium. Mekanisme penyelesaian pertikaian contohnya kaedah ADR dan peranan Mahkamah Timbang tara Sukan Antarabangsa (CAS) dalam melindungi hak ahli sukan turut dibincangkan pada akhir kursus.

Bacaan Asas

- Adam Lewis & Jonathan Taylor. 2008. Ed. Ke-2 *Sport: Law and Practice*, Bloomsbury Profesional
- ZaidiHassim. 2005. *An Introduction to Sports Law in Malaysia: Legal Guidelines for Sportspersons and Sports Administrators*. Malaysia: Malayan Law Journal.
- Simon G., Alexandra F., Mark J., Roger W., & John O. 2006. Ed. ke-3. *Sports law, Great Britain*: Cavendish Publishing Limited
- Grayson, E. 2000. *Sports and the Law*. Ed. ke-3. Great Britain: Butterworths and Co (Publishers) Ltd.
- Beloff, M.J., Kerr, T. &Dimitriou, M. 1999. *Sports Law*. Oxford: Hart Publishing, Oxford and Poland.

UUUK 6375 - Undang-undang Takaful Lanjutan

Kursus ini membincangkan tentang konsep dan kontrak Takaful (Insuran Islam). Kursus ini direka bentuk bertujuan untuk menyediakan pengetahuan secara menyeluruh dan praktikal dalam isu-isu Syariah dan perundangan berkaitan produk-produk Takaful. Perbincangan ini akan ditumpukan secara khusus kepada prinsip-prinsip Syariah dalam insuran Islam (Takaful) terutamanya dalam memahami larangan Syariah dalam isu *riba'* (faedah), *gharar* (ketidakpastian) dan *maysir* (perjudian) serta kontrak-kontrak yang dimasuki selaras dengan undang-undang Islam. Kerangka perundangan berkaitan Takaful di Malaysia iaitu Akta Takaful 1984 akan dianalisa dengan terperinci. Kursus ini juga mengetengahkan isu-isu terkini berkaitan produk-produk Takaful serta perkembangan terkini berkaitan institusi Takaful di Malaysia dan antarabangsa seperti Retakaful, BancaTakaful, Takaful Fund dan dana pelaburan Islam bagi Takaful.

Bacaan Asas

- Asyraf Wajdi Dusuki. 2011. *Islamic Financial System Principles & Operations*. Kuala Lumpur: ISRA
- Engku Rabiah Adawiah & Hassan Scott. 2008. *Essential Guide to Takaful (Islamic Insurance)*. Kuala Lumpur: CERTS Publication
- Salahehuddin Ahmed. 2009. *Islamic Banking Finance and Insurance: A Global Overview*. Kuala Lumpur: As Noordeen
- Simon Archer, Rifaat Ahmed Addel Karim and Volker Nienhaus. 2009. *Takaful Islamic Insurance: Concepts and Regulatory Issues (Wiley Finance)*. Singapore: John Wiley & Sons.
- Sohail Jaffer. 2007. *Islamic Insurance: Trends, Opportunities and the Future of Takaful*. United Kingdom: Euromoney Institutional Investor Plc

UUUK 6385 - Undang-undang Sekuriti Islam

Kursus ini membincangkan secara mendalam dan praktikal pengetahuan berkaitan instrumen pasaran modal Islam seperti Sukuk, Ekuiti, Amanah Pelaburan Hartanah Islam dan Dana Dagangan Bursa Islam. Isu-isu syariah dan perundangan akan dianalisis bagi melihat apakah penambahbaikan yang boleh dibuat dalam memastikan transaksi melalui atau terhadap instrumen-instrumen ini mampu dijalankan dalam perundangan di Malaysia. Piawai-piawai Antarabangsa seperti AAOIFI Standard mahupun IFSB dan IIFM turut dianalisis dalam melihat sejauhmana Piawai ini digunapakai dan diterapkan dalam amalan transaksi instrumen tersebut. Tumpuan khusus juga diberikan kepada equity syarikat yang mahu diberikan status patuh syariah melalui proses *screening* dan pembersihan dividen syarikat bagi tujuan menarik pelabur-pelabur yang mahukan syarikat patuh syariah.

Bacaan Asas

- ISRA. 2012. *Islamic Financial System Principles & Operations*. Kuala Lumpur: ISRA.
- Mohammad Ariff, Munawar Iqbal and Shamser Mohamed. 2012. *The Islamic Debt Market for Sukuk Securities*. The Theory and Practice of Profit Sharing Investment. United Kingdom: Edward Elgar Publishing Limited.
- Al-Amine, M.B. 2011. *Global Sukūk and Islamic Securitization Market: Financial Engineering and Product Innovation*. Brill: Leiden:Boston
- Fara Madehah Ahmad Farid . 2012. *Shariah Compliant Private Equity and Islamic Venture Capital*, Edinburgh [Scotland] : Edinburgh University Press
- Mohamed Ariff (Editor); Munawar Iqbal (Editor); Shamsher Mohamad (Editor). 2012. *The Islamic Debt Market for Sukuk Securities*. Chettenham: Edward Elgar

Matrik Hasil Pembelajaran Kursus (CO) dan Hasil Pembelajaran Program (PO)

Penanda Aras

1. Memenuhi separa PO (PO) dengan penilaian rasmi
2. Memenuhi sepenuh PO (PO) dengan penilaian rasmi.

Undang-undang Buruh dan Hubungan Industri Perbandingan (UUUK6015)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenal pasti kerangka teoritikal dan filosofi dalam undang-undang buruh	1	2	1	1	1	2	1	Kuliah, pembentangan kes, tugas, ujian	Pemahaman dan kebolehan menganalisis semasa pembentangan kes, tugas yang asli dan analitikal, ujian aktif
CO2 Pelajar berkebolehan melakukan analisis kritikal berhubung undang-undang buruh	1	1	2	1	1	1	1	Kuliah, pembentangan kes, tugas, ujian	Pemahaman dan kebolehan menganalisis semasa pembentangan kes, tugas yang asli dan analitikal, ujian aktif
CO3 Pelajar berkebolehan mengenal pasti keperluan asas penyelidikan dalam undang-undang buruh	1	1	1	1	2	1	1	Kuliah, pembentangan kes, tugas, ujian	Pemahaman dan kebolehan menganalisis semasa pembentangan kes, tugas yang asli dan analitikal, ujian aktif

Undang-undang Kanak-kanak (UUUK6045)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan membezakan kanak-kanak dengan orang dewasa dan mengenalpasti hak-hak mereka, serta mengenali Konvensyen Hak Kanak-Kanak.	1	2	1	1	1	1	1	Kuliah, perbincangan	Kehadiran dikuliah
CO2 Pelajar berkebolehan mengenalpasti permasalahan melibatkan kanak-kanak menurut peruntukan undang-undang kanak-kanak	1	1	2	1	1	1	1	Kuliah, perbincangan dan pembentangan	Pembentangan dan peperiksaan akhir
CO3 Pelajar berkebolehan menganalisis permasalahan melibatkan kanak-kanak menurut undang-undang kanak-kanak.	1	1	2	1	2	1	1	Kuliah, perbincangan dan pembentangan	Kertas tugas dan peperiksaan akhir

Undang-undang Keluarga Perbandingan (UUUK6065)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenal pasti perbezaan peruntukan undang-undang keluarga di Malaysia, New Zealand dan England	1	2	1	1	1	1	1	Kuliah, perbincangan	Kehadiran dikuliah
CO2 Pelajar berkebolehan mengenalpasti permasalahan kekeluargaan yang melibatkan salah satu dari negara yang dikaji atau ketiga-tiga buah negara tersebut	1	1	2	2	1	2	1	Kuliah, perbincangan dan pembentangan	Pembentangan dan peperiksaan akhir
CO3 Pelajar berkebolehan menganalisa masalah perundangan dari tiga negara	2	2	2	1	1	1	1	Kuliah, perbincangan dan pembentangan	Kertas tugas dan peperiksaan akhir

Sistem Kewangan Islam (UUUK6075)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengaplikasi pengetahuan asas teori kontrak Islam dan muamalat dalam menyelesaikan isu undang-undang perbankan Islam	2	1	2	1	1	1	1	Kuliah dan PBL	Pembentangan Laporan Peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan menyelesaikan masalah penyelidikan undang-undang perkhidmatan kewangan Islam	2	1	2	2	1	1	1	Kuliah dan PBL	Pembentangan Laporan Peperiksaan

68 *Panduan Siswazah*

Undang-undang Jenayah Islam (UUUK6095)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti undang-undang Islam dari sumber-sumber asalnya, jenayah syariah Pakistan dan Sudan serta Kanun Jenayah Syariah negeri	2	1	2	1	1	1	1	Kuliah	Pembentangan / seminar, tugas dan peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan mengenal pasti undang-undang jenayah Islam penguatkuasaannya dalam konteks undang-undang di Malaysia dan di negara luar yang dipilih	2	1	1	1	2	1	1	Kuliah dan PBL	Pembentangan, tugas dan peperiksaan
CO3 Pelajar berkebolehan mengenal pasti undang-undang jenayah syariah di mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia	2	1	1	1	1	2	1	Kuliah dan PBL	Pembentangan, tugas dan peperiksaan akhir

Undang-undang Pentadbiran Perbandingan (UUUK6105)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan membina (devise) model perubahan terhadap undang-undang pentadbiran	2	1	2	1	1	2	1	Kuliah, aktiviti berkumpulan & individu, tugasan, perbincangan	Kertas Penyelidikan (kertas cadangan dan penuh), pembentangan, peperiksaan akhir
CO2 Pelajar berkebolehan menganalisis (analyse) perubahan dalam bidang undang-undang pentadbiran di negara-negara <i>common law</i> terpilih.	2	1	2	1	1	2	1	Kuliah, aktiviti berkumpulan & individu, tugasan, perbincangan	Kertas Penyelidikan (kertas cadangan dan penuh), pembentangan, peperiksaan akhir
CO3 Pelajar berkebolehan mentaksir (appraise) kerangka teori pengamalan undang-undang pentadbiran di negara <i>common law</i> terpilih	2	1	2	1	2	1	1	Kuliah, aktiviti berkumpulan & individu, tugasan, perbincangan	Kertas Penyelidikan (kertas cadangan dan penuh), pembentangan, peperiksaan akhir
CO4 Pelajar berkebolehan menilai (evaluates) perbezaan dalam sistem undang-undang pentadbiran di negara-negara <i>common law</i> terpilih	2	1	2	1	2	2	1	Kuliah, aktiviti berkumpulan & individu, tugasan, perbincangan	Kertas Penyelidikan (kertas cadangan dan penuh), pembentangan, peperiksaan akhir

70 Panduan Siswazah

Undang-undang Perlembagaan Perbandingan (UUUK6115)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenal pasti dan berkeupayaan menganalisis peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan di kedua-dua negara (Malaysia dan Australia)	2	1	1	2	1	2	1	Perbincangan dalam kuliah	Pembentangan kertas kerja
CO2 Pelajar berkebolehan mengenalpasti faktor-faktor dan falsafah yang mendasari peruntukan- peruntukan perlembagaan di kedua-dua negara yang diperbandingkan	2	1	1	2	1	1	1	Tutorial dan perbincangan dalam kuliah secara seminar	Pembentangan kertas kerja
CO3 Pelajar berkebolehan mengintegrasikan mensintesis, dan menyaring maklumat / fakta bagi menterjemahkan idea/konsep secara holistik berkaitan undang- undang perlem- bagaan	1	2	2	1	1	1	1	Perbincangan dalam kuliah secara seminar	Pembentangan kertas kerja

Undang-undang Harta Intelekt Lanjutan (UUUK6125)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenal pasti teknologi terkini ke atas Undang-undang Harta Intelekt	2	2	1	1	1	2	1	Kuliah Seminar	Pembentangan Peperiksaan Tugas
CO2 Pelajar berkebolehan membandingkan undang-undang Harta Intelekt di Malaysia dengan beberapa negara lain.	2	2	1	1	1	2	2	Kuliah Seminar	Pembentangan, Peperiksaan Tugas

72 Panduan Siswazah

Undang-undang Perdagangan Antarabangsa Lanjutan (UUUK6135)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenal pasti secara mendalam bidang-bidang awam dan persendirian berkaitan undang-undang perdagangan antarabangsa,.	2	1	1	1	1	2	1	Perbincangan dalam kuliah	Pembentangan kertas kerja
CO2 Pelajar berkebolehan membuat penelitian kritikal terhadap pelbagai isu, dengan mengambil kira interaksi undang-undang, politik dan diplomasi undang-undang perdagangan antarabangsa	1	2	1	2	2	1	1	Tutorial dan perbincangan dalam kuliah secara seminar	Pembentangan kertas kerja
CO3 Pelajar berkebolehan menjalankan penyelidikan berkaitan undang-undang perdagangan antarabangsa	1	2	1	1	2	2	1	Perbincangan dalam kuliah secara seminar	Pembentangan kertas kerja

Undang-undang Teknologi Maklumat (UUUK6145)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti undang-undang berkaitan teknologi maklumat	2	1	1	2	1	1	1	Kuliah	Pembentangan individu, berkumpulan, tugas bertulis dan peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan mengaplikasi undang-undang dengan isu semasa berkaitan teknologi maklumat	2	1	2	2	1	1	1	Kuliah	Pembentangan individu, berkumpulan, tugas bertulis dan peperiksaan

74 Panduan Siswazah

Undang-undang Antarabangsa dan Dunia Ketiga (UUUK6175)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenal pasti prinsip-prinsip umum undang-undang antarabangsa awam berkaitan kepentingan Dunia Ketiga	2	2	2	1	1	2	1	Kuliah	Pembentangan seminar, tugas dan peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan menggunakan pendekatan tertentu dalam menganalisa, memahami dan mencari penyelesaian kepada permasalahan undang-undang antarabangsa dalam konteks Dunia Ketiga	2	2	2	1	1	2	1	Kuliah	Pembentangan, tugas dan peperiksaan
CO3 Pelajar berkebolehan mengenal pasti persoalan semasa dalam undang-undang antarabangsa yang dihadapi oleh dunia ketiga	2	2	2	2	1	2	1	Kuliah	Pembentangan, tugas dan peperiksaan akhir

Undang-undang Laut Antarabangsa (UUUK6185)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berupaya untuk mengaplikasi pengetahuan asas Konvensyen Undang-undang Laut 1982	2	2	2	1	2	2	1	Kuliah Aktiviti Kumpulan	Pembentangan Tugas Peperiksaan
CO2 Pelajar berupaya untuk menganalisis konsep undang-undang penting dan isu yang terlibat dalam regim undang-undang antarabangsa yang mengawal penggunaan laut, 'sea bed' dan 'subsoil'	3	2	2	1	2	2	1	Kuliah Aktiviti Kumpulan	Pembentangan Tugas Peperiksaan
CO3 Pelajar berupaya untuk menganalisis isu-isu praktikal dalam undang-undang laut	2	1	1	1	2	2	1	Kuliah Aktiviti Kumpulan	Pembentangan Tugas Peperiksaan

76 Panduan Siswazah

Undang-undang Perubatan (UUUK6195)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti sejarah, prinsip dan konsep Undang-undang Perubatan	2	2	2	1	2	1	1	Kuliah & Seminar	Pembentangan individu, tugas, peperiksaan akhir
CO2 Pelajar berkebolehan mengaplikasi ilmu undang-undang perubatan	2	1	1	1	2	2	1	Kuliah & Seminar	Pembentangan individu, tugas, peperiksaan akhir Pembentangan, tugas dan peperiksaan
CO3 Pelajar berkebolehan melakukan analisis kritis undang-undang perubatan antarabangsa	1	1	1	2	2	2	1	Kuliah & Seminar	Pembentangan individu tugas peperiksaan akhir

Gender dan Undang-Undang (UUUK6205)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenal pasti, konsep/teori gender dan undang-undang	2	1	2	1	2	2	1	kuliah, seminar, perbincangan kumpulan dan dua hala; kajian kes dan latihan setempat	Tugasan, Persembahan individu, persembahan kumpulan peperiksaan Laporan
CO2 Pelajar berkebolehan mencadangkan penyelesaian masalah gender menurut undang-undang	2	1	2	1	2	2	1	kuliah, seminar, perbincangan kumpulan dan dua hala; kajian kes dan latihan setempat	Tugasan, Persembahan individu, persembahan kumpulan peperiksaan Laporan
CO3 Pelajar berkebolehan menjana strategi, dan membangun pelan tindakan bagi permasalahan gender di peringkat domestik & antarabangsa	1	2	1	2	2	1	1	kuliah, seminar, perbincangan kumpulan dan dua hala; kajian kes dan latihan setempat	Tugasan, Persembahan individu, persembahan kumpulan peperiksaan Laporan

78 Panduan Siswazah

Metodologi Penyelidikan (UUUK6215)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara penyampaian	Cara pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan menjalankan penyelidikan secara mandiri	2	1	2	1	1	2	1	Kuliah & bengkel	Kerja kursus & pembangunan individu
CO2 Pelajar berkebolehan menganalisa, mengkritik dan menggabungkan literatur yang sedia wujud serta mengenalpasti kelompangan dalamnya bagi tujuan meletakkan penyelidikan tersebut dalam konteks yang lebih luas berkaitan bidang yang diselidiki	2	2	2	2	1	1	1	Kuliah & bengkel	Kerja kursus & pembangunan individu
CO3 Pelajar berkebolehan menghasilkan karya penyelidikan yang asli lagi saintifik serta boleh menyumbang kepada bidang ilmu yang berkaitan mengikut format UKM.	2	1	2	2	1	2	1	Kuliah & bengkel	Kerja kursus & pembangunan individu

Undang-undang Peraturan Sekuriti (UUUK6225)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenal pasti prinsip-prinsip asas berkaitan instrument sekuriti serta tafsiran undang- undang berkaitan instrument tersebut dan sejauhmana peraturan sekuriti ditentukan oleh perundangan atau indeks penentu kewangan dan faktor ekonomi dan kajian perbandingan dengan bidang kuasa terpilih	2	12	2	2	1		1	Kuliah & perbincangan / seminar	Laporan dan Pembentangan individu
CO2 Pelajar berkebolehan menganalisis secara kritis kekuatan dan kelemahan tentang proses penawaran sekuriti serta peraturan- peraturan bagi bentuk cadangan korporat yang dikaji.	2	2	2	1	2	1	1	Kuliah / Perbincangan Seminar	Pembentangan Individu Tugasan Peperiksaan

80 *Panduan Siswazah*

Undang-undang Insolvensi (UUUK6235)	P01	P02	P03	P04	P05	P06	P07	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenal pasti prinsip-prinsip asas undang-undang dan pelaksanaannya secara perbandingan di bidangkuasa terpilih	2	2	1	1	2	1	1	Kuliah & Perbincangan Seminar	Tugasan, Pembentangan Individu Peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan menganalisis secara kritis kekuatan dan kelemahan skim penyelamat korporat di Malaysia serta perbandingan dengan bidang kuasa terpilih	2	2	2	1	2	1	1	Kuliah & Perbincangan Seminar	Pembentangan Individu Tugas Peperiksaan
CO3 Pelajar berkebolehan menilai kelemahan yang ada dalam sistem tadbiran insolvensi serta mencadangkan saranan bagi memantapkan pengurusan insolvensi	2	1	2	1	2	1	1	Kuliah & Perbincangan Seminar	Pembentangan Individu Peperiksaan

Undang-undang Jualan Barang Lanjutan (UUUK6245)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengaplikasi pengetahuan dalam bidang undang-undang jualan barang secara perbandingan dengan negara ASEAN dan negara maju terpilih	2	2		1	1	3	1	Kuliah, aktiviti berkumpulan dan perbincangan	Aktiviti & pembentangan kumpulan, tugas individu (kertas penyelidikan / rencana) dan peperiksaan akhir.
CO2 Pelajar berkebolehan menyelesaikan masalah penyelidikan berhubung jualan barang berdasarkan pendekatan yang saintifik dan sistematis.	2	2	2	1	1	2	1	Kuliah, aktiviti berkumpulan dan perbincangan	Aktiviti & pembentangan kumpulan, tugas individu (kertas penyelidikan / rencana) dan peperiksaan akhir.
CO3 Pelajar berkebolehan mengaplikasikan undang-undang jualan barang (secara perbandingan) dalam merangka pembaharuan yang diperlukan bagi undang-undang jualan barang di Malaysia.	2	2	2	2	1	2	1	Kuliah, aktiviti berkumpulan dan perbincangan	Aktiviti & pembentangan kumpulan, tugas individu (kertas penyelidikan / rencana) dan peperiksaan akhir.

82 Panduan Siswazah

Undang-undang Ekonomi Antarabangsa (UUUK6255)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti latarbelakang konsep-konsep undang-undang ekonomi antarabangsa	2	2	2	2	1	2	1	Kuliah	Pembentangan Seminar Peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan mengenalpasti institusi asas dalam regim undang-undang ekonomi antarabangsa	2	2	2	2	1	2	1	Kuliah	Pembentangan Seminar Peperiksaan
CO3 Pelajar berkebolehan mengaplikasi prinsip-prinsip undang-undang ekonomi antarabangsa dalam menyelesaikan masalah perdagangan, kewangan dan pembangunan antarabangsa	2	2	2	2	1	2	1	Kuliah	Pembentangan Seminar Peperiksaan

Undang-undang Syarikat Lanjutan (UUUK6265)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti dan merumuskan isu-isu undang-undang dan teori yang berkenaan dengan fakta-fakta sesuatu situasi atau masalah yang dinyatakan dalam undang-undang Syarikat	2	1	2	2	1	1	1	Kuliah, Seminar, perbincangan kumpulan, kajian kes dan arahan Interaktif berbantuan komputer	Tugasan individu Persembahan individu Persembahan kumpulan Peperiksaan /ujian
CO2 Pelajar berkebolehan menyelesaikan masalah undang-undang menurut konsep dalam undang-undang Syarikat, termasuk mengenalpasti dan mendiagnosis masalah dan menentukan keperluan untuk perancangan penyiasaan berdasarkan fakta, mengenal-pasti dan merumuskan teori undang-undang yang berkaitan undang-undang Syarikat	2	1	2	1	2	1	1	Kuliah, Seminar, perbincangan kumpulan, kajian kes dan arahan Interaktif berbantuan komputer	Tugasan individu Persembahan individu Persembahan kumpulan Peperiksaan /ujian
CO3 Pelajar berkebolehan menjana penyelesaian alternatif dan strategi, dan membangun dan melaksanakan pelan tindakan bagi masalah undang-undang Syarikat	2	1	2	1	1	1	1	Kuliah, Seminar, perbincangan kumpulan, kajian kes dan arahan Interaktif berbantuan komputer	Tugasan individu Persembahan individu Persembahan kumpulan Peperiksaan /ujian

84 Panduan Siswazah

Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa (UUUK6275)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti dan memahami prinsip-prinsip asas hak asasi manusia menurut undang-undang antarabangsa dan undang-undang Islam	1	1	1	1	1		1	Pengajaran di kelas dan seminar	Peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan mengaplikasikan undang-undang dalam isu-isu serta masalah-masalah pencabulan hak asasi manusia yang dihadapi oleh masyarakat dunia dengan prinsip-prinsip asas undang-undang antarabangsa	2	1	2	1	1	2	1	Pengajaran di kelas dan seminar	Peperiksaan dan laporan projek / tugas
CO3 Pelajar berkebolehan menganalisa serta mengaplikasikan prinsip-prinsip asas undang-undang yang relevan di dalam penyelesaian mana-mana isu atau masalah pencabulan hak asasi manusia	1	1	2	1	2	2	1	Pengajaran di kelas, seminar dan tugas serta pembentangan	Laporan bertulis, pembentangan secara lisan dan penilaian oleh pensyarah
CO4 Pelajar berkebolehan membuat perbandingan secara kritikal mengenai prinsip-prinsip hak asasi manusia menurut undang-undang antara-bangsa dan undang-undang Islam	2	1	1	2	2	2	1	Pengajaran di kelas, seminar dan tugas serta pembentangan	Laporan bertulis, pembentangan secara lisan dan penilaian oleh pensyarah

Undang-Undang Persaingan (UUUK6285)	PO1	HPP2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenal pasti prinsip asas Undang-undang persaingan	2	1	2	1	1	2	2	Kuliah, aktiviti kumpulan, individu dan perbincangan	Persembahan Penulisan Tugasan Peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan menerima kepentingan larangan di bawah undang-undang persaingan	2	1	2	1	1	2	1	Kuliah, aktiviti kumpulan, individu dan perbincangan	Persembahan Penulisan Tugasan Peperiksaan

Undang-undang Warisan (UUUK6295)	P01	P02	P03	P04	P05	P06	P07	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti prinsip dan sumber undang-undang warisan	2	1	2	2	1	1	1	Kuliah 7 Seminar	Pembentangan Seminar Peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan mengenal pasti konsep utama, prinsip dan langkah-langkah yang direka untuk perlindungan warisan	2	1	2	1	1	2	1	Kuliah & Seminar	Pembentangan Seminar Peperiksaan
CO3 Pelajar berkebolehan menjalankan penyelidikan dan kritikal memeriksa masalah yang berhubungan dengan perlindungan warisan	2	1	2	1	1	2	1	Kuliah, Pembentangan, Seminar & Lawatan	Pembentangan Seminar Peperiksaan

Undang-undang Pelancongan Lanjutan (UUUK6305)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti prinsip-prinsip undang-undang pelancongan di Malaysia, United Kingdom & Australia	2	1	1	1	2	1	1	Kuliah Aktiviti individu / kumpulan Lawatan / Penceramah	Pembentangan individu / kumpulan Tugasan / Latihan Peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan mengaplikasi undang-undang dalam aktiviti dan produk pelancongan	2	1	2	1	2	1	1	Kuliah Aktiviti Individu/ Kumpulan	Pembentangan Individu / kumpulan Tugasan Peperiksaan
CO3 Pelajar dapat mengaplikasikan undang-undang pelancongan dalam menyelesaikan masalah perundangan	2	1	2	1	1	1	1	Kuliah Aktiviti Individu/ Kumpulan	Pembentangan individu / kumpulan Peperiksaan

Undang-undang Antarabangsa dan Orang Asal Lanjutan (UUUK6325)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampain	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti prinsip-prinsip asas undang-undang antara-bangsa, undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan undang-undang domestik berkaitan hak asasi orang asal	2	1	2	1	2	2	1	Pengajaran di kelas dan seminar	Kuiz, Ujian
CO2 Pelajar berkebolehan mengaplikasi undang-undang dalam isu-isu serta masalah-masalah pencabulan hak orang asal dengan prinsip-prinsip asas undang-undang.	2	1	2	1	2	2	1	Pengajaran di kelas dan seminar	Kuiz, Ujian; Kajian Kes; Dialog; Peperiksaan
CO3 Pelajar berkebolehan menganalisa serta mengaplikasikan prinsip-prinsip asas undang-undang yang relevan di dalam penyelesaian mana-mana isu atau masalah pencabulan hak orang asal	1	2	2	1	2	2	1	Pengajaran di kelas dan seminar dan tugasan serta pembedahan	Laporan bertulis, pembentangan dan penilaian oleh pensyarah; peperiksaan

Undang-undang Migrasi (UUUK6335)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan menganalisa bagaimana polisi kerajaan dan perundangan mempengaruhi corak migrasi	2	1	2	1	2	2	1	Pengajaran Perbincangan	Analisis artikel secara bertulis/ laporan ringkas
CO2 Pelajar berkebolehan mengenalpasti permasalahan sosio-politik dan hak-hak berkaitan migrasi yang tidak diiktiraf, imigrasi sah dan migrasi paksaan	1	1	2	1	2	1	1	Pengajaran di kelas dan perbincangan	Peperiksaan
CO3 Pelajar berkebolehan mengenalpasti cabaran dan trend migrasi antarabangsa di seluruh dunia terutamanya di negara-negara membangun	1	2	2	1	2	1	1	Pengajaran seminar tugas serta pembentangan	Pembentangan Seminar Penilaian Pensyarah

Undang-undang Pembangunan Antarabangsa (UUUK6345)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti serta memahami prinsip dan konsep undang-undang pembangunan antarabangsa	2	2	2	2	1	2	1	Kuliah	Pembentangan individu, tugas, seminar dan peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan menganalisa secara kritis kekuatan dan kelemahan undang-undang pembangunan antarabangsa serta perkara-perkara yang berkaitan-nya	2	2	1	1	1	2	1	Kuliah	Pembentangan individu, tugas, seminar dan peperiksaan
CO3 Pelajar berupaya untuk memberikan idea-idea baru berkenaan undang-undang pembangunan antarabangsa serta mampu mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan undang-undang pembangunan antarabangsa yang sedia ada	2	2	2	2	1	2	1	Kuliah	Pembentangan individu, tugas, seminar dan peperiksaan
CO4 Pelajar berupaya untuk membuat perbandingan model undang-undang pembangunan di antara negara maju dan membangun	2	1	1	1	2	1	1	Kuliah	Pembentangan individu, tugas, seminar dan peperiksaan

Undang-undang Koroner (UUUK6355)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti dan memperkukuhkan pengetahuan dalam UU Koroner berasaskan perbandingan dengan negara-negara kومنwel	2	2	2	2	1	2	1	Kuliah	peperiksaan
CO2 Pelajar berkebolehan mengintegrasikan isu-isu prosedural dan cabaran praktikal yang dihadapi dengan prinsip-prinsip UU Koroner	2	2	1	1	1	2	1	Perbincangan	kuiz dalam peperiksaan
CO3 Pelajar berkebolehan membincangkan permasalahan amalan semasa dalam pelaksanaan siasatan kematian di Malaysia	2	2	2	2	1	2	1	perbincangan	Pembentangan individu dan peperiksaan
CO4 Pelajar berkebolehan mengatur penyelesaian alternatif terhadap permasalahan praktikal yang dihadapi dalam UU Koroner dan siasatan kematian di Malaysia	2	2	2	2	1	2	1	Perbincangan	Tugasan dan penulisan artikel

92 Panduan Siswazah

Undang-undang Sukan Lanjutan (UUUK6365)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti prinsip-prinsip undang-undang sukan dan permainan (lex sportiva dan jus indorem), statut dan governans badan sukan dunia dan undang-undang substantif kebangsaan berkaitan hak ahli sukan	1	2	2	1	2	1	1	Pengajaran di kelas dan seminar	Kuiz; Ujian
CO2 Pelajar berkebolehan mengaplikasi isu-isu serta masalah-masalah berkaitan hak ahli sukan dengan prinsip-prinsip asas undang-undang yang relevan	1	1	2	2	2	2	1	Pengajaran di kelas dan seminar	Kuiz; Ujian; Kajian Kes; Dialog; Peperiksaan
CO3 Pelajar berkebolehan menganalisis serta mengaplikasikan undang-undang yang relevan di dalam penyelesaian mana-mana isu atau masalah pencabulan hak ahli sukan	1	1	1	1	1	2	1	Pengajaran di kelas, seminar dan tugas serta pembentangan	Laporan bertulis, pembentangan dan penilaian oleh pensyarah; Peperiksaan
CO4 Pelajar berkebolehan membuat perbandingan secara kritikal mengenai prinsip-prinsip hak ahli sukan menurut undang-undang sukan, sama ada di peringkat undang-undang antarabangsa, regional dan domestik	2	2	2	1	1	2	2	Pengajaran di kelas, seminar dan tugas serta pembentangan	Laporan bertulis, pembentangan dan penilaian oleh pensyarah; Peperiksaan

Undang-undang Takaful Lanjutan (UUUK6375)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan dalam bidang insuran Islam		2	2	2	3	1	1	Kuliah, Perbincangan aktiviti berkumpulan	Pembentangan individu, tugas, seminar dan peperiksaan
CO2 Pelajar dapat membina produk-produk takaful berlandaskan kerangka perundangan Islam		2	1	2	1	2	1	Kuliah, aktiviti berkumpulan	Pembentangan individu, tugas, seminar dan peperiksaan
CO3 Pelajar dapat berfikir dengan kritis berdasarkan kerangka perundangan dalam sistem insuran Islam (Takaful)		2	2	3	2	2	2	Kuliah, aktiviti berkumpulan	Pembentangan individu, tugas, seminar dan peperiksaan
CO4 Pelajar dapat menyelesaikan masalah penyelidikan berdasarkan pendekatan yang saintifik dan berstruktur		2	1	1	2	2		Kuliah, aktiviti berkumpulan	Tugasan individu Pembentangan / Seminar, Tugas, Peperiksaan akhir

94 Panduan Siswazah

Undang-undang Sekuriti Islam (UUUK6385)	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	Cara Penyampaian	Cara Pentaksiran
CO1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti instrumen-instrumen sekuriti Islam serta undang-undang yang terpakai.				2	1	2	1	Kuliah	Pembentangan tugas, dan peperiksaan akhir
CO2 Pelajar berkebolehan membina produk-produk sekuriti Islam berlandaskan kerangka perundangan Islam			2	2	1	2	1	Kuliah	Ujian dan peperiksaan akhir
CO3 Pelajar berkebolehan berbincang dengan kritis berdasarkan kerangka perundangan dalam undang-undang sekuriti Islam			2	2	1	2	1	Kuliah	Pembentangan dan peperiksaan akhir
CO4 Pelajar berkebolehan menyelesaikan masalah penyelidikan berkaitan instrumen sekuriti Islam dan perundangan berdasarkan pendekatan yang saintifik dan berstruktur	1			3	2	1	2	Kuliah dan perbincangan	peperiksaan akhir

**PERATURAN-PERATURAN
FAKULTI UNDANG-UNDANG
(PENGAJIAN SISWAZAH) 2015**

Program Sarjana dan Ijazah Kedoktoran

SUSUNAN BAHAGIAN

BAHAGIAN

I PERMULAAN

1. Permulaan
Nama
Tafsiran

II SYARAT KEMASUKAN

2. Syarat Kelayakan Masuk
 - 2.1 Program Sarjana Undang-undang
 - 2.2 Program Ijazah Kedoktoran

III STRUKTUR PROGRAM

3. Struktur Program
 - 3.1 Program Sarjana Undang-undang
 - 3.2 Program Ijazah Kedoktoran

IV TEMPOH PENGAJIAN

4. Tempoh Pengajian
 - 4.1 Program Sarjana Undang-undang
 - 4.2 Program Ijazah kedoktoran

V PENGENDALIAN PROGRAM

- 5 Pengendalian Program
 - 5.1 Mod Kerja Kursus
 - 5.2 Mod Penyelidikan

VI PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

6. Peperiksaan dan Penilaian
 - 6.1 Peperiksaan dan Penilaian Disertasi/Tesis
 - 6.2 Penilaian Kerja Kursus

- 6.3 Penilaian Kemajuan Penyelidikan
- 6.4 Penangguhan Peperiksaan
- 6.5 Syarat Untuk Mengulang Kursus atau Pengajian atau Peperiksaan Khas

VII RAYUAN

- 7. Rayuan
- 7.1 Rayuan untuk semak semula keputusan peperiksaan akhir kursus
- 7.2 Rayuan untuk semak semula keputusan penilaian peperiksaan lisan
- 7.3 Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi mod kerja kursus sahaja dan pengajian bagi mod kerja kursus dan penyelidikan
- 7.4 Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi mod penyelidikan sahaja

VIII SALAH LAKU PENYELIDIKAN

- 8. Salah laku penyelidikan

IX PENGURNIAAN IJAZAH

- 9. Syarat pengurniaan ijazah

X AM

- 10.1 Pemberhentian calon
- 10.2 Pelajar Tanpa Ijazah
- 10.3 Garis panduan
- 10.4 Pemakaian
- 10.5 Kuasa Senat

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama

- a. Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan–Peraturan Fakulti Undang-undang (Pengajian Siswazah) 2012.
- b. Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua calon yang mendaftar sesuatu program yang mengurniakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran pada atau selepas tarikh Peraturan ini mula berkuatkuasa.

Tafsiran

Dalam Peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain,

“bayaran” ertinya segala yuran dan bayaran lain yang dikenakan oleh Universiti kepada calon bagi sesuatu program;

“calon” ertinya seseorang calon berdaftar yang mengikuti pengajian siswazah di Universiti bagi sesuatu program;

“disertasi” ertinya karya akademik yang dikemukakan oleh calon bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan penganugerahan ijazah bagi jenis pengajian Kerja Kursus dan Penyelidikan yang mempunyai komponen penyelidikan sekurang-kurangnya 50%;

“Fakulti” ertinya Fakulti Undang-undang, UKM;

“Ijazah Kedoktoran” ertinya perakuan yang diberi oleh Universiti kepada seseorang calon telah memenuhi syarat Doktor Falsafah atau yang diiktiraf oleh Senat;

“Ijazah Sarjana” ertinya perakuan yang diberi oleh Universiti kepada seseorang calon yang telah memenuhi syarat program Ijazah Sarjana, atau yang setara dengannya;

“Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah” ertinya jawatankuasa yang terdiri daripada Dekan Fakulti atau wakilnya selaku pengerusi, Penyelaras Program Siswazah (jika berkenaan) untuk menimbang dan memperakukan keputusan peperiksaan calon mod penyelidikan;

“Jawatankuasa Pengajian Siswazah” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk menguruskan program Fakulti yang terdiri daripada Dekan Fakulti atau wakilnya, selaku pengerusi;

“Jawatankuasa Peperiksaan Lisan” adalah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menilai, menimbang dan memperakukan keputusan Pemeriksaan Tesis dan Peperiksaan Lisan Tesis atau Disertasi calon;

“Jawatankuasa Penyeliaan” ertinya jawatankuasa yang terdiri daripada seorang guru Universiti yang dilantik sebagai pengerusi dan sekurang-kurangnya dua ahli lain sebagai ahli Jawatankuasa Penyeliaan untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis/disertasi dan membimbing serta menilai pengajian calon;

“Kampus” ertinya tempat pengajian yang diiktiraf oleh Senat;

“Kredit” ertinya nilai beban bagi satu jam kredit yang bersamaan dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara selama satu semester pengajian;

“Kursus” ertinya sesuatu mata pelajaran yang ditawarkan di dalam syarat program pengajian;

“mod kerja kursus” ertinya program pengajian yang memfokus kepada komponen kerja kursus;

“mod kerja kursus dan penyelidikan atau mod campuran” ertinya program pengajian yang mempunyai komponen kerja kursus dan penyelidikan;

“Pelajar Tanpa Ijazah” ertinya pelajar yang mendaftar untuk mengikuti kursus prasyarat sebelum mendaftar sebagai calon program Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran;

“Pemeriksa Dalam” ertinya seseorang guru Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk menilai pencapaian seseorang calon;

“Pemeriksa Luar” ertinya seseorang guru atau pakar dari luar Universiti yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian seorang calon;

“Penasihat Akademik” ertinya seseorang guru dari Fakulti yang dilantik untuk membimbing pengambilan kursus dan memantau kemajuan calon;

“Penyelia” ertinya seseorang guru Universiti yang dilantik untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis/disertasi dan membimbing serta menilai pengajian calon yang boleh terdiri daripada Penyelia Utama atau Penyelia Kedua atau Jawatankuasa Penyeliaan atau Penyelia Luar;

“Penyelia Utama” ertinya seseorang guru Universiti yang dilantik secara individu atau mengetuai kumpulan dua orang penyelia untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis dan membimbing serta menilai pengajian calon program pengajian mod penyelidikan;

“Penyelia Kedua” ertinya seseorang guru yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia Utama (jika berkenaan) untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis dan membimbing serta menilai pengajian calon;

“Peperiksaan Lisan” ertinya peperiksaan untuk calon mempertahankan hasil kajian yang dibentangkan dalam tesis/disertasi di hadapan jawatankuasa Peperiksaan Lisan;

“program” ertinya rancangan pengajian ijazah Sarjana atau Kedoktoran dalam bidang-bidang tertentu;

“semester” ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi yang ditetapkan oleh Senat;

“Senat” ertinya Senat Universiti Kebangsaan Malaysia;

“sesi” ertinya tahun akademik yang tarikhnya ditetapkan oleh Senat;

“tesis” ertinya sebuah karya akademik yang menyatakan penemuan daripada penyelidikan yang dilakukan oleh calon.

“Universiti” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia.

BAHAGIAN II

SYARAT KEMASUKAN

2. Syarat Kelayakan Masuk

Calon yang ingin memohon untuk mengikuti Program Siswazah di Fakulti Undang-undang mestilah mempunyai kelayakan seperti berikut:

2.1 Program Sarjana Undang-undang

- 2.1.1 Ijazah Sarjanamuda Undang-Undang (Kepujian) atau Ijazah Sarjanamuda Syariah dari UKM atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat UKM dengan memperoleh PNGK minimum 3.00. Bagi calon yang memperoleh PNGK 2.70 - 2.99, perlu mempunyai 3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang perundangan dan kehakiman atau yang berkaitan dengannya dan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti hendaklah berpuashati bahawa calon berupaya mengikuti program Sarjana.
- 2.1.2 Pertimbangan akan diberikan kepada calon yang tidak memenuhi PNGK minimum di atas jika calon mempunyai 7 tahun pengalaman bekerja dalam bidang perundangan dan kehakiman dan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti berpuashati calon berupaya mengikuti program Sarjana.
- 2.1.3 Bagi calon luar negara, lulus TOEFL dengan skor minima 547 atau IELTS dengan band minima 6.
- 2.1.4 Fakulti boleh memberi pengecualian syarat Bahasa Inggeris kepada calon luar negara yang berasal dari negara yang Bahasa Inggeris adalah bahasa rasminya atau yang memiliki kelayakan akademik yang diperoleh dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- 2.1.5 Calon-calun luar negara yang mempunyai penguasaan Bahasa Melayu yang baik dikecualikan daripada Peraturan 2.1.3 melainkan calon ingin menulis tesis dalam Bahasa Inggeris.
- 2.1.6 Calon-calun yang memilih mod penyelidikan sahaja dikehendaki mengemukakan kertas cadangan penyelidikan semasa permohonan.

2.2 Program Ijazah Kedoktoran

- 2.2.1 Ijazah Sarjanamuda Undang-undang (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Undang-undang dari UKM atau mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat UKM; atau
- 2.2.2 Ijazah Sarjanamuda Undang-undang atau Syariah (Kepujian) dan Ijazah Sarjana dari UKM atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat UKM; atau
- 2.2.3 Ijazah Sarjanamuda (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Undang-undang atau Syariah dari UKM atau mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat UKM; atau
- 2.2.4 Sedang mengikuti program Sarjana Undang-undang (mod penyelidikan sahaja) secara sepenuh masa di UKM dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti Undang-undang untuk menukar status kepada Program Doktor Falsafah.
- 2.2.5 Ijazah Sarjanamuda Undang-undang dengan memperoleh keputusan cemerlang dari Universiti dan mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat;
- 2.2.6 Syarat keperluan Bahasa Inggeris bagi calon luar negara:
Bagi semua program fakulti, calon diwajibkan lulus TOEFL dengan skor minima 547 atau IELTS dengan band minima 6; kecuali bagi program tertentu yang ditetapkan oleh fakulti, calon diwajibkan mengambil Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris (UKBI) dan jika tidak melepasi tahap yang ditetapkan oleh program, calon wajib mengikuti dan lulus Modul Kemahiran Bahasa Inggeris (MKBI) dalam tempoh maksimum dua (2) semester sebelum dibenarkan mendaftar dalam program pengajian masing-masing. Calon akan mendaftar sebagai “Pelajar Tanpa Ijazah”.
- 2.2.7 Calon-calun luar negara yang mempunyai penguasaan Bahasa Melayu yang baik dikecualikan daripada Peraturan 2.2.6 melainkan calon ingin menulis tesis dalam Bahasa Inggeris.
- 2.2.8 Calon dikehendaki mengemukakan kertas cadangan penyelidikan semasa permohonan.

BAHAGIAN III

STRUKTUR PROGRAM

3. Struktur Program

3.1 Program Sarjana Undang-undang (SUU)

3.1.1 Mod Pengajian

3.1.1.1 Mod Penyelidikan Sahaja

- a. Bagi program Sarjana Undang-undang menerusi mod penyelidikan sahaja, seseorang calon wajib menyediakan tesis tidak melebihi 60,000 patah perkataan. Calon akan diselia oleh seorang Penyelia/Penyelia Bersama/Jawatankuasa Siswazah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.
- b. Calon dikehendaki mengambil kursus UK6215 Metodologi Penyelidikan Undang-undang sebagai kursus pendaftaran audit (AU) dalam semester pertama tahun pengajian.

3.1.1.2 Mod Kerja Kursus dan Penyelidikan

- a. Bagi program Sarjana Undang-undang secara mod kerja kursus dan penyelidikan, calon wajib melengkapkan SATU (1) kursus wajib UK6215 Metodologi Penyelidikan Undang-undang dan EMPAT (4) kursus pilihan serta melengkapkan penulisan tesis tidak melebihi 30,000 patah perkataan yang bernilai 15 unit. Setiap satu kursus sama ada wajib atau pilihan adalah bernilai 5 unit.
- b. Jumlah keseluruhan bagi mod kerja kursus dan penyelidikan ialah 40 unit.
- c. Jumlah maksimum unit bagi mod kerja kursus dan penyelidikan pada setiap semester untuk calon sepenuh masa ialah 20 unit dan minimum 10 unit.

- d. Jumlah maksimum unit bagi mod kerja kursus dan penyelidikan pada setiap semester untuk calon separuh masa ialah 10 unit dan minimum 5 unit.
- e. Calon mesti mengekalkan PNGK minimum 3.00 pada setiap semester sebelum memulakan penulisan tesis.

3.1.1.3 Mod Kerja Kursus Sahaja

- a. Bagi program Sarjana Undang-undang menerusi mod kerja kursus sahaja, calon wajib melengkapkan SATU (1) kursus wajib UK 6215 Metodologi Penyelidikan Undang-undang dan TUJUH (7) kursus pilihan. Setiap kursus sama ada wajib dan pilihan bernilai 5 unit setiap kursus. Jumlah keseluruhan unit bagi jenis pengajian kerja kursus sahaja ialah 40 unit.
- b. Jumlah maksimum unit bagi mod kerja kursus pada setiap semester untuk calon sepenuh masa ialah 20 unit dan minimum 10 unit.
- c. Jumlah maksimum unit bagi mod kerja kursus pada setiap semester untuk calon separuh masa ialah 10 unit dan minimum 5 unit.
- d. Calon mesti mengekalkan PNGK minimum 3.00 bagi tujuan pengijazahan.

3.1.2 Bentuk Pendaftaran

3.1.2.1 Calon Warganegara

- a. Calon warganegara dibenarkan memilih untuk mengikuti program pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa, dikira dari tarikh pendaftarannya yang pertama sehingga tamat pengajian.
- b. Calon warganegara yang sedang bekerja dikehendaki mengikuti pengajian secara separuh masa.
- c. Permohonan untuk menukar status pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya perlu dikemukakan kepada Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah melalui Dekan Fakulti sekali sahaja sepanjang pengajian.

3.1.2.2 Calon Luar Negara

- a. Calon luar negara hendaklah mendaftar dan mengikuti semua program pengajian secara sepenuh masa sahaja, dikira dari tarikh pendaftarannya yang pertama sehingga tamat pengajian.

- b. Syarat Pemastautin

Calon luar negara hendaklah berada di kampus untuk tempoh minimum sekurang-kurangnya dua (2) semester atau satu (1) sesi akademik kecuali calon yang mengikuti program siswazah tertentu kendalian Pusat Kembangan Pendidikan Universiti, Program Kerjasama Antarabangsa, Program Dwi Ijazah, Program Luar Kampus, Program Kerjasama Industri atau Program Sangkutan Industri yang telah diperakukan oleh Senat.

3.1.2.3 Keperluan Bahasa Melayu

- a. Calon luar negara diwajibkan mengikuti 2 kursus Bahasa Melayu bernilai 4 unit seperti yang ditetapkan oleh Universiti. Pengecualian boleh diberikan kepada calon yang telah mengikuti kursus Bahasa Melayu setara anjuran badan yang diperakukan oleh Senat.
- b. Calon dikehendaki mengikuti kursus Bahasa Melayu dalam semester pertama dan semester kedua tahun pengajian.
- c. Dalam kes tertentu, Senat berhak memberi pengecualian syarat Bahasa Melayu.

3.2 Ijazah Kedoktoran

- a. Bagi program Ijazah Kedoktoran, calon wajib menyiapkan tesis tidak melebihi 100,000 patah perkataan di bawah penyeliaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.
- b. Penyelia bagi calon boleh terdiri daripada berikut:
 - (i) Penyelia Utama; atau
 - (ii) Kumpulan dua orang Penyelia dan seorang akan dilantik sebagai Penyelia Utama (dari dalam UKM) dan seorang lagi sebagai Penyelia Kedua; atau
 - (iii) Jawatankuasa Penyeliaan
- c. Calon diwajibkan mengambil kursus UK6215 Metodologi Penyelidikan Undang-undang sebagai kursus pendaftaran Audit (AU) dalam semester pertama tahun pengajian. Calon hanya dibenarkan membentangkan kertas cadangan tesis selepas mengikuti kursus Metodologi Penyelidikan Undang-undang.

3.2.2. Bentuk Pendaftaran

3.2.2.1 Calon Warganegara

- a. Calon warganegara dibenarkan memilih untuk mengikuti program pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa, dikira dari tarikh pendaftarannya yang pertama sehingga tamat pengajian.
- b. Calon warganegara yang sedang bekerja dikehendaki mengikuti pengajian secara separuh masa.
- c. Permohonan untuk menukar status pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya perlu dikemukakan kepada Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah melalui Dekan Fakulti sekali sahaja sepanjang pengajian.

3.2.2.2 Calon Luar Negara

- a. Calon yang sedang bekerja dikehendaki mengikuti pengajian secara separuh masa sahaja, dikira dari tarikh pendaftarannya yang pertama sehingga tamat pengajian.

b. Syarat Pemastautin

Calon luar negara hendaklah berada di kampus untuk tempoh minimum sekurang-kurangnya dua (2) semester atau satu (1) sesi akademik kecuali calon yang mengikuti program siswazah tertentu kendalian Pusat Kembangan Pendidikan Universiti, Program Kerjasama Antarabangsa, Program Dwi Ijazah, Program Luar Kampus, Program Kerjasama Industri atau Program Sangkutan Industri yang telah diperakukan oleh Senat.

BAHAGIAN IV

TEMPOH PENGAJIAN

4. Tempoh Pengajian

4.1 Program Sarjana Undang-undang

4.1.1 Mod Penyelidikan Sahaja

- a. Tempoh pengajian bagi pengajian sepenuh masa, tempoh minimum adalah dua (2) semester dan tempoh maksimum adalah enam (6) semester;
- b. Tempoh pengajian bagi separuh masa, tempoh minimum adalah empat (4) semester dan tempoh maksimum adalah lapan (8) semester.

4.1.2 Mod Kerja Kursus dan Penyelidikan/Mod Kerja Kursus Sahaja

- a. Tempoh bagi pengajian sepenuh masa, tempoh minimum adalah dua (2) semester dan tempoh maksimum adalah empat (4) semester;
- b. Tempoh bagi pengajian separuh masa, tempoh minimum adalah empat (4) semester dan tempoh maksimum adalah lapan (8) semester.

4.2. Program Ijazah Kedoktoran

- 4.2.1 Tempoh bagi pengajian sepenuh masa, tempoh minimum adalah enam (6) semester dan tempoh maksimum adalah dua belas (12) semester;
- 4.2.2 Tempoh bagi pengajian separuh masa, tempoh minimum adalah lapan (8) semester dan tempoh maksimum adalah empat belas (14) semester.
- 4.2.3 Seseorang calon Ijazah Kedoktoran boleh memohon kepada Dekan Fakulti secara bertulis untuk dikecualikan, tertakluk kepada kelulusan Senat, daripada syarat tempoh minimum pengajian, dan calon hendaklah:
 - (a) mendapat perakuan Fakulti berdasarkan kecemerlangan prestasi calon; dan

(b) telah menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) makalah dalam jurnal berimpak tinggi yang berkaitan dengan penyelidikannya atau lain-lain jurnal atau penerbitan makalah yang diiktiraf oleh Senat.

4.2.4 Calon dibenarkan untuk membuat permohonan tambah masa pengajian tertakluk kepada maksimum empat (4) semester. Calon yang tempoh pengajiannya melebihi bilangan semester maksimum termasuk tempoh masa tambahan ini, boleh diberhentikan dan diberi status “Gagal dan Diberhentikan Kerana Tamat Tempoh”.

4.2.5 Pertukaran bentuk pengajian

- a. Calon boleh memohon pertukaran bentuk pengajian dari sepenuh masa ke separuh masa atau sebaliknya.
- b. Permohonan pertukaran bentuk pengajian hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang pengajian.
- c. Contoh pengiraan tempoh pengajian bagi pertukaran bentuk pengajian adalah seperti berikut:

Sepuluh masa ke separuh masa

$$\text{Baki separuh masa} = \frac{\text{Baki sepenuh masa}}{\text{Maksimum sepenuh}} \times \frac{\text{Maksimum}}{\text{Separuh Masa}}$$

BAHAGIAN V

PENGENDALIAN PROGRAM

5. Pengendalian Program

5.1. Mod Kerja Kursus

5.1.1 Pengendalian Mod Kerja Kursus

- a. Pengendalian mod kerja kursus hendaklah menggunakan inovasi dan kreativiti dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran,
- b. Pensyarah dikehendaki mematuhi perancangan pengajaran seperti yang terkandung dalam rangka kursus terutamanya dari segi objektif, skop dan hasil pembelajaran kursus yang dikendalikan.
- c. Pensyarah mestilah memastikan penggunaan e-pembelajaran secara berkesan.

5.1.1.2 Penilaian / Pemarkahan

Penilaian dan pengagihan markah bagi setiap kursus hendaklah merangkumi penilaian berterusan dan peperiksaan akhir.

- a. Penilaian Berterusan
 - i. Penilaian berterusan hendaklah menentukan pengagihan markah yang jelas dan bersesuaian mengikut tahap kemahiran insaniah yang merangkumi matriks kognitif (pemikiran kritis dan penyelesaian masalah), psikomotor (kemahiran berkomunikasi) dan afektif (kerja berpasukan).
- b. Peperiksaan Akhir
 - i. Peperiksaan akhir setiap kursus akan diadakan pada setiap semester.
 - ii. Peperiksaan akhir bagi setiap kursus hendaklah diadakan secara formal mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

- iii. Dalam kes tertentu peperiksaan boleh dijalankan secara informal setelah mendapat perakuan daripada Fakulti.
- iv. Soalan bagi setiap kursus hendaklah disediakan dalam dua versi, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- v. Kesemua soalan bagi peperiksaan akhir akan ditaksir oleh Jawatankuasa Penaksir Soalan Siswazah Fakulti.
- vi. Jawatankuasa Penaksir Soalan Siswazah Fakulti berperanan:
 - a. meneliti dan menilai tahap, kualiti dan kesesuaian soalan dengan objektif dan hasil pembelajaran kursus; dan
 - b. mencadangkan penambahbaikan kepada soalan-soalan peperiksaan.
- vii. Pensetaraan tempoh peperiksaan mengikut markah peperiksaan dan penilaian berterusan adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Penilaian berterusan	Peperiksaan Akhir	Jumlah Soalan disediakan / dijawab	Pecahan markah bagi setiap soalan	Tempoh Peperiksaan
70%	30%	3/2	15 markah	1 jam 45 minit
60%	40%	4/2	20 markah	2 jam 15 minit
50%	50%	3/3	20 markah (1) +15 markah (2) atau 10 markah (1) + 20 markah (2)	2 jam 45 minit
40%	60%	6/4		3 jam 15 minit

5.2 Mod Penyelidikan

5.2.1 Perlantikan Penyelia

- 5.2.1.1 Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti hendaklah melantik penyelia di kalangan ahli akademik dari fakulti atau luar fakulti berdasarkan kepada:
 - a. Kepakaran;
 - b. Boleh dilibatkan dalam projek penyelidikan;
 - c. Jumlah optimum penyeliaan; dan
 - d. Lain-lain pertimbangan yang sesuai

5.2.1.2 Penyelia yang dilantik boleh terdiri daripada:

- a. Penyelia Utama; atau
- b. Kumpulan dua orang Penyelia dan seorang akan dilantik sebagai Penyelia Utama (dari dalam UKM) dan seorang lagi sebagai Penyelia Kedua; atau
- c. Jawatankuasa Penyeliaan

5.2.2 Tugas penyelia

- i. Penyelia hendaklah memberikan perhatian teliti dan bertanggungjawab membimbing calon dalam penulisan tesis yang meliputi aspek-aspek berikut :
 - a. Fakta ilmiah dan perundangan;
 - b. Metodologi kajian;
 - c. Format penulisan rujukan selaras dengan kehendak Gaya UKM; dan
 - d. Format penulisan nota kaki selaras dengan Panduan Penulisan Nota Kaki Gaya Fakulti Undang-undang.
- ii. Rekod Penyeliaan:
 - a. Penyelia hendaklah mengadakan pertemuan secara berjadual dengan calon.
 - b. Penyelia dan calon hendaklah merekodkan setiap sesi perjumpaan dan topik yang dibincangkan dengan calon dalam Buku Log Penyeliaan yang dibekalkan oleh Fakulti.
 - c. Satu salinan Buku Log hendaklah disimpan oleh Penyelia dan satu salinan lagi diserahkan kepada calon.
 - d. Penyelia mesti memastikan calon menandatangani Buku Log setelah selesai perbincangan pada setiap sesi perjumpaan.
 - e. Buku Log penyelia dan calon hendaklah diserahkan kepada Fakulti pada tarikh peperiksaan lisan untuk pengesahan Fakulti. Setelah pengesahan, Buku Log akan dikembalikan kepada Penyelia dan calon untuk penyeliaan seterusnya.
 - f. Penyelia dan calon harus menyerahkan Buku Log kepada Fakulti untuk simpanan Fakulti setelah calon menamatkan pengajian / menarik diri dari program pengajian / berlaku pertukaran penyelia.
 - g. Buku Log akan disimpan dalam Fail Peribadi calon yang terletak di Pejabat Am Fakulti.

- iii. Penyelia hendaklah mengisi borang Laporan Kemajuan Calon Siswazah dan menyerahkan kepada pihak Fakulti di akhir setiap semester. Laporan tersebut hendaklah memberi gambaran sebenar perkembangan penulisan / penyelidikan pelajar.
- iv. Penyelia hendaklah menurunkan tandatangan untuk notis penyerahan tesis, penyerahan tesis dan penyerahan selepas pembetulan tesis setelah penyelia berkenaan benar-benar berpuas hati dengan kerja-kerja calon.

5.2.3 Pengurusan Penyelidikan

- i. *Kertas Cadangan Penyelidikan*
 - a. Kertas Cadangan Penyelidikan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i. Tajuk;
 - ii. Latar Belakang Kajian;
 - iii. Kenyataan Masalah;
 - iv. Kepentingan Kajian;
 - v. Objektif Kajian;
 - vi. Metodologi Kajian;
 - vii. Sorotan Literatur / Tinjauan Karya;
 - viii. Susunan Bab; dan
 - ix. Jadual Kerja.
 - b. Mengemukakan LIMA (5) salinan kertas cadangan tesis kepada Fakulti sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan bagi tujuan pembentangan kertas cadangan.
- ii. *Pembentangan Kertas Cadangan Penyelidikan*
 - a. Calon dikehendaki untuk membentangkan kertas cadangan penyelidikan pada semester kedua (2) pengajian selepas lulus kursus UK6215 Metodologi Penyelidikan Undang-undang.
 - b. Panel penilai akan dilantik oleh Jawatankuasa pengajian siswazah untuk meneliti dan mempertimbangkan dengan saksama kertas cadangan penyelidikan.

- c. Di dalam kes tertentu di mana calon tidak mencapai tahap yang ditetapkan, calon dikehendaki untuk membentangkan semula kertas cadangan penyelidikan di hadapan panel penilai, dalam tempoh satu semester.

iii. Pemantauan Kemajuan Penyelidikan

- a. Kemajuan penyelidikan calon akan dipantau secara berkala melalui pembentangan kertas cadangan, pemantapan penyelidikan dan persediaan sebelum ujian lisan.

5.2.4 Tanggungjawab Calon

- i. Mengadakan pertemuan segera dengan Penyelia tesis yang ditetapkan dan mengadakan perbincangan lebih lanjut mengenai butir-butir terperinci tesis.
- ii. Mengadakan perbincangan dengan Penyelia dari semasa ke semasa mengenai tesis dan penyelidikan yang dijalankan. Calon perlu memastikan kekerapan perjumpaan dengan Penyelia yang memuaskan.
- iii. Mengemukakan kepada Fakulti LIMA (5) salinan kertas cadangan tesis mengikut format yang telah ditetapkan untuk dibentangkan.
- iv. Menulis dan menyediakan disertasi/tesis mengikut kaedah, peraturan dan gaya yang ditetapkan.
- v. Mengemukakan kepada Penyelia draf bab-bab tesis pada tarikh-tarikh yang ditetapkan.
- vi. Melaksanakan pembetulan dan perubahan yang dicadangkan oleh Penyelia kepada draf bab-bab tesis.
- vii. Mengemukakan tesis akhir berjilid biasa dalam EMPAT (4) salinan kepada Fakulti pada tarikh yang ditetapkan bagi penilaian dan peperiksaan lisan. termasuk naskhah asal bersama CD-ROM kepada Pusat Pengurusan Siswazah.
- viii. Mengemukakan TIGA (3) naskhah tesis berjilid keras yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Fakulti kepada Fakulti pada tarikh yang ditetapkan.
- ix. Mengemukakan DUA (2) salinan tesis berjilid keras
- x. Mengisi borang-borang yang relevan bagi pengurusan tesis siswazah:

- a. Borang Notis Penyerahan Tesis (Pemakluman calon akan menghantar tesis sebelum 3 bulan tarikh penyerahannya) [PPS/A/5/AK12(01)/19/04];
 - b. Borang Penyerahan Tesis Untuk Pemeriksaan (Perakuan calon menyerahkan tesis untuk pemeriksaan) [PPS/A/5/AK12(03)/20/04];
 - c. Borang Pembayaran Yuran Pemeriksaan Tesis/Yuran Lain dan Denda [PPS/A/5/AK12(03)/21/04];
 - d. Borang Semakan Gaya UKM [PPS/A/5/AK13(07)/24/04];
 - e. Borang Penyerahan Tesis Yang Telah dibuat Pembetulan [PPS/A/5/AK13(07)/26/04];
 - f. Borang Pengesahan Status Tesis [PPS/A/5/AK13(07)/26/04].
- xi. Pelajar Sarjana (Jenis Penyelidikan sahaja) dikehendaki menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam jurnal berindeks ISI/SCOPUS/RA atau penerbit tersohor dalam bidang undang-undang dan pelajar Ijazah Kedoktoran dikehendaki menerbitkan (2) artikel dalam jurnal berindeks ISI/SCOPUS/ERA atau penerbit tersohor dalam bidang undang-undang prosiding sebagai syarat sebelum menduduki peperiksaan viva.

BAB VI

PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

6. Peperiksaan Dan Penilaian Disertasi/Tesis

6.1.1 Aspek yang diambil kira dalam penilaian tesis siswazah

- i. Kemahiran menganalisis dan mengkritik
 - Menganalisis peruntukan undang-undang yang relevan berdasarkan pendekatan yang berkaitan secara kritis dan membina.
 - Memberi pendapat atau hujah secara analogi.
 - Berupaya mempersembahkan idea atau pemikiran yang asli.
- ii. Kemahiran dalam kaedah penyelidikan
 - Memilih kenyataan masalah yang relevan dan bersesuaian dengan bidang kajian.
 - Melakukan tinjauan karya/sorotan literatur/kajian kepustakaan.
 - Merangka kerangka teori penyelidikan.
 - Menentukan objektif penyelidikan.
 - Mereka bentuk penyelesaian berdasarkan teori, prinsip, kaedah, teknik, atau pendekatan yang diterimapakai dalam bidang perundangan.
 - Menulis tesis berdasarkan pendekatan dan format tertentu.
- iii. Tinjauan karya/sorotan literatur/kajian ke pustakaan dalam bidang permasalahan
 - Sorotan yang sesuai dengan peringkat penyelidikan dan pembangunan.
 - Berupaya menganalisis karya lampau yang relevan dan mengaitkan dengan penyelidikan yang dicadangkan.
- iv. Pelaksanaan kajian dan pembangunan
 - Secara sistematis dan saintifik.
 - Berdasarkan kepada kerangka teori penyelidikan yang dicadangkan.
- v. Sumbangan kepada pengetahuan
 - Sumbangan kepada pengetahuan atau ilmu mengikut peringkat penyelidikan dan pembangunan.
- vi. Format dan penyusunan idea
 - Pematuhan kepada format Panduan Menulis Tesis Gaya UKM.
 - Pematuhan Panduan Penulisan Nota Kaki Gaya Fakulti Undang-undang.
 - Persembahan maklumat / data yang sistematis dan kesinambungan idea yang logikal.

- 6.1.2 Bagi tesis peringkat Sarjana, calon mestilah mempamerkan kebolehan melakukan penyelidikan berdasarkan kajian sedia ada, kebolehan menyelesaikan masalah penyelidikan berdasarkan satu kerangka teori penyelidikan dan memberi sumbangan inovasi dalam bidang undang-undang.
- 6.1.3 Bagi tesis peringkat Ijazah Kedoktoran, calon harus mempamerkan kebolehan melakukan penyelidikan dengan mempamerkan keupayaan menganalisis dan mengkritik yang tinggi, dan kebolehan menyelesaikan masalah penyelidikan berdasarkan satu kerangka teori penyelidikan dan memberi sumbangan inovasi yang asli dalam bidang undang-undang.
- 6.1.4 Disertasi/Tesis peringkat Sarjana bagi jenis pengajian kerja kursus dan penyelidikan akan dinilai oleh sekurang-kurangnya seorang pemeriksa dalam. Tesis peringkat Sarjana bagi mod penyelidikan sahaja dan peringkat Ijazah Kedoktoran akan dinilai oleh sekurang-kurangnya seorang pemeriksa dalam dan seorang pemeriksa luar.
- 6.1.5 Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis (Sarjana dan Ijazah kedoktoran) akan diadakan di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Fakulti.
- 6.1.6 Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk tesis Ijazah Kedoktoran adalah terdiri daripada Pengerusi, Dekan Fakulti atau wakilnya, Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam serta ahli-ahli lain yang dilantik oleh Fakulti.
- 6.1.7 Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk disertasi/tesis Sarjana adalah terdiri daripada Dekan Fakulti atau wakilnya, Pemeriksa Luar (jika berkenaan), Pemeriksa Dalam serta ahli-ahli lain yang dilantik oleh Fakulti.
- 6.1.8 Penyelia hanya boleh turut hadir dalam sesi pembentangan dan soal jawab sahaja.
- 6.1.9 Keputusan penilaian tesis boleh mengambil mana-mana satu daripada kategori di bawah:
 - i. Lulus dan layak dianugerahkan ijazah; atau
 - ii. Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan (..... bulan); atau
 - iii. Menangguhkan keputusan pemeriksaan tesis calon sehingga calon menyerahkan tesis untuk pemeriksaan semula (... bulan); atau
 - iv. Menangguhkan peperiksaan lisan dan keputusan pemeriksaan tesis sehingga calon menyerahkan tesis untuk pemeriksaan semula (.... bulan); atau
 - v. Gagal dan tidak layak dianugerahkan ijazah.

- 6.1.10 Bagi tesis peringkat Ijazah Kedoktoran, calon harus mempamerkan kebolehan melakukan penyelidikan dengan mempamerkan keupayaan menganalisis dan mengkritik yang tinggi, dan kebolehan menyelesaikan masalah penyelidikan berdasarkan satu kerangka teori penyelidikan dan memberi sumbangan inovasi yang asli dalam bidang undang-undang.
- 6.1.11 Disertasi/Tesis peringkat Sarjana bagi mod pengajian kerja kursus dan penyelidikan akan dinilai oleh sekurang-kurangnya seorang pemeriksa dalam. Tesis peringkat Sarjana bagi mod penyelidikan sahaja dan peringkat Ijazah Kedoktoran akan dinilai oleh sekurang-kurangnya seorang pemeriksa dalam dan seorang pemeriksa luar.
- 6.1.12 Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis (Sarjana dan Ijazah Kedoktoran) akan diadakan di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Fakulti.
- 6.1.13 Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk tesis Ijazah Kedoktoran adalah terdiri daripada Pengerusi, Dekan Fakulti atau wakilnya, Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam serta ahli-ahli lain yang dilantik oleh Fakulti.
- 6.1.14 Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk disertasi/tesis Sarjana adalah terdiri daripada Dekan Fakulti atau wakilnya, Pemeriksa Luar (jika berkenaan), Pemeriksa Dalam serta ahli-ahli lain yang dilantik oleh Fakulti.
- 6.1.15 Penyelia hanya boleh turut hadir dalam sesi pembentangan dan soal jawab sahaja.
- 6.1.16 Keputusan penilaian tesis boleh mengambil mana-mana satu daripada kategori di bawah:
 - i. Lulus dan layak dianugerahkan ijazah; atau
 - ii. Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan (.... bulan); atau
 - iii. Menangguhkan keputusan pemeriksaan tesis calon sehingga calon menyerahkan tesis untuk pemeriksaan semula (.... bulan); atau
 - iv. Menangguhkan peperiksaan lisan dan keputusan pemeriksaan tesis sehingga calon menyerahkan tesis untuk pemeriksaan semula (.... bulan); atau
 - v. Gagal dan tidak layak dianugerahkan ijazah.
- 6.1.17 Calon adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pembetulan tesis yang diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
 - a. Tempoh maksimum pembetulan kali pertama adalah selama dua belas (12) bulan dan tempoh maksimum pembetulan kali kedua adalah tiga (3) bulan.
 - b. Bagi calon yang diberi tempoh pembetulan dua belas (12) bulan pada pemeriksaan kali pertama, dikehendaki menyerahkan tesis yang telah diperbaiki untuk tujuan pemeriksaan ulangan dan perlu melalui peperiksaan lisan ulangan.

- 6.1.18 Calon yang gagal menyerahkan tesis dalam tempoh maksimum adalah dianggap gagal dan akan diberi status “Gagal dan Diberhentikan Sebab Kandas”.

6.2.1 Penilaian kerja kursus

- a. Pemberian Nilai Gred bagi setiap semester adalah untuk kerja kursus dan penilaian lain yang diadakan di sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.
- b. Gred dan Nilai Gred untuk kerja kursus akan diberikan penilaian seperti berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Lulus dengan Cemerlang
A-	3.67	Lulus dengan Cemerlang
B+	3.33	Lulus dengan Kepujian
B	3.00	Lulus dengan Kepujian
B-	2.67	Lulus
C+	2.33	Lulus
C	2.00	Lulus
C-	1.67	Gagal
D	1.00	Gagal
E	0.00	Gagal
L/K		Lulus/Kandas (bagi Kursus Tanpa Gred)
TL		Tidak Lengkap
AU		Audit
TD		Tarik Diri
SM		Sedang Maju
TP		Tangguh Peperiksaan

- c. Gred-gred diberikan tanpa nilai gred
- i. L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada calon-calon yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “lulus” atau “kandas” sahaja.
 - ii. TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang tidak dapat menyelesaikan keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Calon perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred.
 - iii. SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata penilaian tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Unit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata penilaian apabila simbol SM digantikan dengan gred.
 - iv. AU (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan simbol tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus itu.
 - v. TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang menarik diri bagi sesuatu kursus dengan kebenaran pensyarah dan Dekan Fakulti selepas minggu ke-4 hingga minggu ke-10 sesuatu semester.
 - vi. TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perenggan 13.1. Peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang mungkin berdasarkan keadaan kesihatan pelajar.

d. Pengiraan Unit dan Purata Nilai Gred (PNG)

- i. Kursus yang didaftarkan secara wajib seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7.1.1 akan diterima untuk pengiraan bagi memenuhi keperluan unit. Kursus yang diikuti secara audit, tanpa gred, yang menerima gred TL, SM, TD atau kursus yang digugurkan, tidak akan dimasukkan dalam pengiraan unit.
- ii. Purata nilai gred akan ditentukan mengikut kaedah-kaedah di bawah:

Purata Nilai Gred Semester (PNGS)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred x unit kursus) untuk semua kursus dibahagi dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diikuti pada satu-satu semester.

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred x unit kursus) untuk semua kursus dibahagi dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti sehingga ke akhir pengiraan.

Formula pengiraan bagi Purata Nilai Gred adalah seperti berikut:

$$PNG = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

G_i = Nilai Gred Kursus ke-i

U_i = Nilai Unit Kursus ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti

6.2.3 Taraf Pencapaian Akademik dan Syarat Meneruskan Pengajian

- (a) Taraf pencapaian akademik calon akan ditentukan mengikut PNGK pada satu-satu tempoh pengajian, ditentukan seperti berikut:

Purata Nilai Gred	Taraf Pencapaian	Kelayakan Meneruskan Pengajian	Kelayakan Pengurniaan Ijazah
$PNGK \geq 3$	Lulus	Layak	Layak
$2 \leq PNGK < 3$	Lulus Bersyarat	Percubaan	Tidak Layak
$PNGK < 2$	Gagal dan Diberhentikan	Tidak Layak	Tidak Layak

- (b) Calon mestilah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.0 untuk setiap semester dan sekurang-kurangnya gred C untuk mana-mana kursus seperti yang ditetapkan oleh program;
- (c) Calon yang tidak dapat mencapai PNGK seperti di (b) akan diberi status “Lulus Bersyarat” pada semester berikutnya bagi meningkatkan prestasinya kepada sekurang-kurangnya PNGK 3.0 pada akhir semester tersebut;

- (d) Calon yang tidak dapat meningkatkan prestasinya kepada sekurang-kurangnya PNGK 3.0 pada semester beliau diberi status “Lulus Bersyarat” akan diberhentikan daripada mengikuti program pengajiannya. Seseorang calon tidak akan diberi status “Lulus Bersyarat” untuk dua semester berturut-turut di sepanjang tempoh pengajiannya;
- (e) Calon dibenar mengulang kursus yang grednya B ke bawah. Bagi kursus yang diulang, gred terakhir kursus tersebut akan diambilkira untuk tujuan pengiraan gred keseluruhan program walaupun gred yang diperolehi lebih rendah daripada yang sebelumnya.

6.2.4 Penilaian kemajuan penyelidikan

- a. Calon yang mengikuti pengajian mod penyelidikan boleh diberikan taraf “Gagal dan Diberhentikan Sebab Prestasi Akademik” jika calon memperoleh laporan kemajuan seperti berikut:
 - i. “dengan Ingatan” sebanyak empat kali sepanjang tempoh pengajian; atau
 - ii. “dengan Amaran” sebanyak dua kali sepanjang tempoh pengajian; dan
 - iii. gabungan dua “dengan Ingatan” dan satu “dengan Amaran” sepanjang tempoh pengajian

6.2.5 Penangguhan peperiksaan

- a. Calon yang sakit atau menghadapi masalah kesihatan sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan Fakulti untuk menangguh pengambilan peperiksaan berkenaan. Permohonan menangguh peperiksaan untuk sesuatu kursus berkenaan hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan itu diadakan.
- b. Permohonan menangguh pengambilan peperiksaan semester atas sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan pengesahan salah seorang doktor yang terdiri daripada pegawai perubatan Kerajaan atau Universiti.
- c. Permohonan atas sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Fakulti. Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes tersebut.

BAHAGIAN VII

RAYUAN

7.1 Rayuan untuk semak keputusan peperiksaan akhir kursus

- a. Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan peperiksaan akhir kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pengarah Pusat Pengajian Siswazah oleh calon yang berkenaan dalam masa empat minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- b. Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta disemak semula.
- c. Bayaran yuran sebanyak RM50.00 bagi tiap-tiap satu kursus yang diminta disemak semula hendaklah disertakan dengan rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- d. Apabila diterima sesuatu rayuan, Pengarah Pusat Pengajian Siswazah akan merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti akan melantik suatu panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan peperiksaan akhir kursus berkenaan.
- e. Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain dalam bidang berkenaan.
- f. Perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Fakulti. Keputusan Fakulti mengenaipenilaian semua kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum disampaikan kepada calon berkenaan, sekiranya ada perubahan.
- g. Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak boleh dilayan.

7.2 Rayuan untuk Meneruskan Semula Pengajian

- a. Calon yang gagal dalam kursus wajib dikehendaki mengulangi kursus tersebut.
- b. Calon yang melengkapkan kredit untuk tujuan mendapat Ijazah, dibenarkan mengambil peperiksaan khas pada semester terakhir baginya berada di Universiti. Peperiksaan khas akan diadakan dalam tempoh tidak lebih daripada satu (1) bulan selepas keputusan peperiksaan pertama diumumkan.

7.3 Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi calon mod kursus sahaja dan mod kerja kursus dan penyelidikan:

- a. Calon yang gagal memenuhi syarat untuk meneruskan pengajian dan diberi status “Gagal dan Diberhentikan Sebab Prestasi Akademik” boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- b. Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh surat dikeluarkan atau selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yang ditetapkan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

7.4 Calon yang gagal dibenarkan merayu sekiranya memenuhi syarat berikut:

- a. telah menunjukkan peningkatan prestasi akademik iaitu PNGK meningkat dan mencapai sekurang-kurangnya 2.90;
- b. calon boleh mengulang kursus untuk memperbaiki gred;
- c. calon berkemampuan memperolehi PNGK 3.0 selepas mengulangi kursus yang berkenaan.

7.5 Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi calon mod penyelidikan

- a. Calon yang diberhentikan dari mengikuti program pengajian mod penyelidikan sahaja dan diberi status “Gagal dan Diberhentikan Sebab Prestasi Akademik” dibenarkan merayu untuk meneruskan pengajian tertakluk kepada persetujuan penyelia dan perakuan Fakulti.
- b. Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh surat dikeluarkan atau selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan berdasarkan Laporan Kemajuan Calon. Setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yang ditetapkan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- c. Apabila diterima permohonan rayuan, Dekan Fakulti akan memajukan permohonan kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk dipertimbangkan.
- d. Tertakluk kepada perakuan Senat, Jawatankuasa Pengajian Siswazah berhak untuk:
 - i. menerima atau menolak sesuatu rayuan;
 - ii. membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan.

7.6 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

BAHAGIAN VIII

SAL AHLAKU PENYELIDIKAN

- 8.1 Salahlaku penyelidikan adalah perbuatan yang menyalahi etika penyelidikan seperti memfabrikasi, memalsu atau memplagiat dalam menghasilkan penulisan tesis, disertasi, laporan projek sarjana, kertas kerja, tugas dan hasil kajian secara sebahagian atau sepenuhnya.
- 8.2 Fabrikasi adalah perlakuan untuk mewujudkan data, merekod atau melaporkan data/keputusan yang tidak wujud;
- 8.3 Pemalsuan adalah perlakuan memanipulasi hasil penyelidikan atau proses atau menukar atau mengeluarkan data keputusan supaya hasil penyelidikan tidak mencerminkan hasil yang sebenarnya;
- 8.4 Plagiarism adalah perbuatan mengambil idea, proses, hasil dapatan, penulisan tanpa merujuk sumber rujukan yang asal dan mengakui sebagai hasil kerja sendiri.
- 8.5 Salahlaku penyelidikan tidak termasuk kesilapan suci hati atau perbezaan pendapat.
- 8.6 Calon yang didapati bersalah melakukan salah laku penyelidikan boleh dikenakan hukuman tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah UKM (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

BAHAGIAN IX

PENGURNIAAN IJAZAH

9. Syarat Pengurniaan Ijazah

9.1 Bagi calon yang mengikuti pengajian mod penyelidikan, hendaklah

- (a) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- (b) lulus Pemeriksaan Tesis dan Peperiksaan Lisan;
- (c) memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Fakulti;
- (d) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti;
- (e) memenuhi keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
- (f) diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat;
- (g) telah memulangkan semua buku perpustakaan Universiti;

9.2 Bagi calon yang mengikuti pengajian mod kerja kursus sahaja, hendaklah

- (a) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- (b) mencapai PNGK terakhir ≥ 3.00 ;
- (c) menyempurnakan bilangan kredit seperti yang ditetapkan program;
- (d) memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Fakulti;
- (e) memenuhi keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
- (f) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah untuk kelulusan Senat;
- (g) telah memulangkan semua buku perpustakaan Universiti;
- (h) telah menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan;

9.3 Bagi calon yang mengikuti pengajian mod kerja kursus dan penyelidikan hendaklah

- (a) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- (b) memenuhi keperluan yang ditetapkan untuk komponen kursus dan komponen penyelidikan;
- (c) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti;
- (d) memenuhi keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
- (e) diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat;
- (f) telah memulangkan semua buku perpustakaan Universiti;
- (g) telah menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan;

BAHAGIAN X

AM

10.1 Pemberhentian calon

10.1.1 Senat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan seseorang calon pada bila-bila masa jika calon didapati —

- (a) memberi maklumat palsu berkenaan kemasukannya atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan Ijazah;
- (b) dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal;
- (c) menghubungi atau mengganggu atau mengancam Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam berhubung dengan penilaian tesisnya;
- (d) gagal mengekalkan prestasi akademik yang baik sepertimana yang ditetapkan Universiti;
- (e) melakukan salah laku penyelidikan;
- (f) melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan.

10.1.2 Setiap calon adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan UKM, statut-statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa atau sedia terpakai termasuk Kaedah-Kaedah UKM (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, Dasar Harta Intelek UKM dan Dasar Etika Integriti Penerbitan dan Penulisan UKM.

10.2 Garis Panduan

- (1) Fakulti/Institut/Pusat Pengurusan Siswazah boleh membuat apa-apa garis panduan, sebagaimana perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Peraturan ini.
- (2) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara garis panduan dan Peraturan ini, peruntukan garis panduan yang bercanggah itu hendaklah terbatal.

10.3 Pemakaian

- (a) Melainkan dengan jelasnya dinyatakan, tiap-tiap permohonan dan rayuan berkaitan yang dibuat di bawah Peraturan ini hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah melalui Penyelia atau Pengerusi Jawatankuasa Siswazah atau Dekan Fakulti yang berkenaan.
- (b) Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa terhadap semua calon berdaftar pada dan selepas tarikh berkuatkuasa.

10.4 Kuasa Senat

Senat mempunyai kuasa untuk membuat, membatalkan atau meminda mana-mana peraturan yang menguasai program ijazah seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan ini.

Varsiti Kita

*Lihat Kampusku yang tenang
Damainya alam ciptaan Tuhan
Panduan ilmu dan keimanan
Amal dan jerih digabungkan*

*Lautan ilmu kita harungkan
Sumber ilmuan berkembang*

*Inilah Varsiti kita
Ditengahkan hasrat rakyat kita
Dari mula untuk semua
Bagai tanda perjuangan kita*

*Bangunan berbakti membela
Memupuk insan jiwa bertakwa
Memimpin manusia semua
Kenal akan adat unggulnya*

*Membina negara senantiasa
Maju berilmu dan bahagia*

*Inilah Varsiti Kita
Ditengahkan hasrat rakyat kita
Dari mula untuk semua
Bagai tanda perjuangan kita*

*Penggubah
Nazri Ahmad*

POSTGRADUATE PROGRAMMES
Faculty of Law
Academic Session 2014-2015



Vision, Mission and Objectives Faculty of Law, UKM

Vision

The Faculty of Law is committed to be the leading faculty in legal fields and to build a new dimension which fulfills the thrust of national development by 2015.

Mission

To develop and educate legal professionals who are knowledgeable, competitive, and who possess an excellent personality in line with the national culture.

Objectives

- To have profesional academicians who are highly distinguished in teaching, research and consultation.
 - To produce graduates who are well trained and capable in various legal fields and practices including Syariah Law.
 - To strengthen and enhance the Faculty's image at national and international levels
- 

Background Faculty of Law

The Faculty of Law was established on 1st. February 1984 with an intake of 36 students; for the Law Matriculation programme. For the academic year 1986/87, the Faculty started its undergraduate programme when all those 36 students were admitted to Year 1 of the LLB (Hons) programme. In 1989, the Faculty received an official recognition from the Qualifying Board established under the Legal Profession Act 1976. The first batch of students graduated in 1990. Since then, the intake of students to the Faculty have been increasing each year, and for the 2005/2006 session, the number of intake reached 120 students. In 1996, the Faculty obtained and approval from the Ministry of Education to initiate its Master of Laws and Ph.D programmes. The first batch of postgraduate students was admitted in the first semester of the 1997/98 academic sessions.

The Faculty of Law also offer executive programmes with the co-operation of the Centre for Educational Advancement. The programmes came into effect with the inception of the Master's Executive Programme in Intellectual Property in the second semester of the 2004/2005 session and the Master's Executive Program in Business Law in the 2006/2007 session.

Background Graduate Studies Programmes Faculty of Law

Introduction

The Graduate Studies Programmes at the Faculty of Law consist of the Master of Laws and Doctor of Philosophy programmes. These two programmes obtained approval from the Ministry of Education in 1996. The first batch of students for these programmes was enrolled in Semester I Session 1997/1998. The students for graduate Studies Programmes consist of both local and foreign students.

Master of Laws

Programme educational Objectives (PEO)

1. Graduates who are aware of national cultures and international values in considering and drafting the laws.
2. Graduates who are competitive and master of the legal fields.
3. Graduates who conduct research in a scientific, systematic and structured manner.
4. Graduates who apply critical thinking in solving problems.
5. Graduates who integrate knowledge in managing complex legal issues.
6. Graduates who assess and make decision by taking into account social responsibilities and legal ethics.
7. Graduates who communicate effectively in giving views in multidisciplinary situations.
8. Graduates who adopt continuous learning.

Programme Outcomes (PO)

1. Graduates who have the ability to show deep knowledge and understanding of legal fields.
2. Graduates who have the ability to develop and apply legal knowledge based on scientific and structured approach.
3. Graduates who are able to solve problems in legal field critically.
4. Graduates who are able to manage complex legal issues through the integration of knowledge.
5. Graduates who are able to make assessment and decision by taking into account social responsibilities and legal ethics.
6. Graduates who are able to explain the legal principles critically in various situations.
7. Graduates who master continuous learning skill independently.

DOCTOR OF PHILOSOPHY

Program Educational Objectives (PEO)

1. Graduates who imbued of national cultures and international values in considering and drafting laws.
2. Graduates who master systematic and deep understanding of legal discipline.
3. Graduates who demonstrate scholarly ability in research development.
4. Graduates who contribute to the corpus of legal knowledge according to international standard.

Program Outcomes (PO)

1. Graduates who have the ability to demonstrate systematic and deep understanding of legal discipline.
2. Graduates who have the ability to master skill and methodology of legal research.
3. Graduates who have the ability to generate, design, perform and modify substantially the research process with high scholarly skill.
4. Graduates who are able to contribute to the original research by expanding the frontiers of knowledge through in depth research presented and defended according to international standard including writing in international referred publication.
5. Graduates who have the ability to analyse, evaluate and synthesise new and complex ideas critically.
6. Graduates who are able to contribute creatively and innovatively in legal fields globally.
7. Graduates who are able to communicate in their legal fields of expertise in various situations.
8. Graduates who possess leadership quality and able to promote technological, social and cultural advancements in the academic and professional societies.

Programmes Offered

1 . Master of Laws (LL.M)

- (a) Research Only
- (b) Coursework & Research
- (c) Coursework Only

2 . Doctor of Philosophy (Ph.D)

Research Only

List of Law Courses

- UUUK 6015 - Comparative Labour Law & Industrial Relations
- UUUK 6045 - Child Law
- UUUK 6065 - Comparative Family Law
- UUUK 6075 - Islamic Financial System
- UUUK 6095 - Islamic Criminal Law
- UUUK 6105 - Comparative Administrative Law
- UUUK 6115 - Comparative Constitutional Law
- UUUK 6125 - Advanced Intellectual Property Law
- UUUK 6135 - Advanced International Trade Law
- UUUK 6145 - Law of Information Technology
- UUUK 6175 - International Law and Third World
- UUUK 6185 - International Law of the Sea
- UUUK 6195 - Medical Law
- UUUK 6205 - Gender & Law
- UUUK 6215 - Legal Research Methodology
- UUUK 6225 - Law of Securities Regulation
- UUUK 6235 - Insolvency Law
- UUUK 6245 - Advanced Law of Sale of Goods
- UUUK 6255 - International Economic Law
- UUUK 6265 - Advanced Company Law
- UUUK 6275 - International Human Rights Law
- UUUK 6285 - Competition Law
- UUUK 6295 - Heritage Law
- UUUK 6305 - Advanced Tourism Law
- UUUK 6325 - Advanced International Law And Indigenous Peoples
- UUUK 6335 - Migration Law
- UUUK 6345 - International Development Law
- UUUK 6355 - Coroner Law
- UUUK 6365 - Advanced Sports Law
- UUUK 6375 - Advanced Takaful Law
- UUUK 6385 - Islamic Security Law

Course Synopsis

UUUK 6015 - Comparative Labour Law & Industrial Relations

This course will expose students to labour laws in Malaysia with minor comparison with those of other countries such as England and international labour law such as the ILO. In general, this course will give emphasis on aspects of employment law which governs the relationship of employers and individual worker, and collective relationship between employers and trade unions. The emphasis of this course is on the private sector, where appropriate discussion on the public sector employment will also be made.

References

- Siti Zaharah Jamaluddin. 2011. *Undang-undang Perhubungan Perusahaan di Malaysia*. Edisi 2. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Siti Zaharah Jamaluddin. 2011. *Pengenalan Kepada Akta Kerja 1955*. Edisi 3. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Kamal Halili Hassan & Rosmah Ab. Rahman. 2009. *Hubungan Undang-undang Mengikut Akta Pekerja* Edisi 2. Kuala Lumpur: DBP.
- Ashagar Ali Mohamed & Farheen Baig Sardar Baig. 2009. *Procedur for unfair Dismissal Claim in Malaysia*. Kuala Lumpur: Lexis Nexis.
- Kamal Halili Hassan. 2007. Dlm. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod & Mumtaj Hassan, *Undang-undang Pekerjaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

UUUK 6045 - Child Law

This course will look into laws relating to children. It will first examine the definition of child and the historical development of child's right. Theories on rights will be discussed focusing on child's rights and also the conflict between child's rights and parental rights. This course will focused on the United Nation Convention on the Right of the Child (UNCRC) and its application in Malaysia. Finally the course will embark on the various laws relating to children namely:

- i. right to life;
- ii. right religion;
- iii. right to education;
- iv. right to medical treatment;
- v. right to marry;
- vi. right not to be abused;
- vii. right not to be abducted, trafficked or prostituted;
- viii. right to guardianship and custody;
- ix. adoption and legitimacy of children;
- x. right in the criminal justice system; and

- xi. child labour.
- xii. rights of handicapped children
- xiii. right to maintenance

References

- Elaine, E. Sutherland (ed) 2012 *The Future of Child and Family Law*. Cambridge University Press.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. 2010 *Jenayah Penderaan Kanak-kanak*. Penerbit Universiti Malaya.
- Lowe, N.V. & Douglas, G.. 2007. *Bromley's Family Law*, 10th edn. Oxford University Press
- Alston (ed.). 1994. *The best interests of the children- reconciling culture and human rights*. Clarendon Paperbooks
- Bainham, A. & Cretney, S. 1993. *Children – the modern law, family law*.

UUUK 6065 - Comparative Family Law

- ii. To make appointments for discussions regarding the thesis and the research being conducted with the supervisor from time to time. A candidate must ensure a satisfactory number of meetings with the supervisor.
- iii. To submit FIVE (5) copies of the proposal to the Faculty according to the prescribed format for presentation.
- iv. To write the thesis according to methods, guidelines and the stipulated style.
- v. To submit to the supervisor drafts of the chapters in the thesis according to the dates agreed upon.
- vi. To make corrections and amendments to the chapters in the thesis as suggested by the supervisor.
- vii. To submit to the supervisor drafts of the chapters of the thesis according to the dates agreed upon.
- ix. To submit FOUR (4) bound copies of the final report to the Faculty on the dates agreed upon for evaluation and viva.
- x. To present to the Centre for Graduate Management TWO (2) hard bound copies of the thesis, including the original copy with a CD-ROM.

- xiii. Present to the Faculty THREE (3) hard bound copies of the thesis which have been approved by the Faculty Oral Examination Committee.
- xv. Master of Laws students (by research only) must publish one (1) article in an indexed journal (ISI/SCOPUS/ERA) or renowned law publishers and Doctor of Philosophy students must publish 2 articles in indexed journal (ISI/SCOPUS/ERA) or renowned law publishers as a prerequisite condition for viva examination.
- xiv. To complete the following forms :
 - a. Borang Notis Penyerahan Tesis (Notice of Thesis Submission Form) ; a candidate's notification of the date of submission of thesis 3 months before the date of submission)[PPS/A/5/AK12(01)/19/04;]
 - b. Borang Penyerahan Tesis untuk Pemeriksaan (Thesis Submission Form for Evaluation); a candidate' s notification of thesis submission for examination [PPS/A/5/AK12(03)/20/04];
 - c. Borang Pembayaran Yuran Peperiksaan Tesis/Yuran lain dan Denda (Thesis Examination Fees Form/ Other Fees and Fines [PPS/A/5/AK12(03)/21/04];
 - d. Borang Semakan Gaya UKM (Check-list of UKM Style Form) [PPS/A/5/AK13(07)/24/04];
 - e. Borang Penyerahan Tesis yang telah dibuat Pembetulan (Amended Thesis Submission Form) [PPS/A/5/AK13(07)26/04];
 - f. Borang Pengesahan Status Tesis (Confirmation of Thesis Status Form) [PPS/A/5/AK13(07)/26/04].

3. Thesis Evaluation

3.1 A candidate's thesis shall be evaluated according to the following criteria:

- i. Competency in analysis and critique which may be demonstrated through
 - the relevant laws based on the relevant approach critically and constructively analysed.
 - opinion or explanations through analogies
 - original ideas or thoughts
- ii. Competency in Research Methodology which may be constructed through
 - a suitable problem statement
 - a thorough to literature review
 - a clear research theory framework
 - properly identified research objectives
 - providing solutions based on theories, principles, methodologies, techniques or approaches that are acceptable in the field of law.
 - the thesis is written based on required approach and format
- iii Literature review of the problem demonstrated through
 - an appropriate review to the data in accordance to the level of research and development
 - providing a clear relationship between the relevant literatures and the proposed research.
- iv. Implementation and development of research, which is conducted
 - In a systematic and scientific manner
 - Based on the suggested research theoretical framework
- v. Contribution to the field of knowledge, which is corresponding to
 - to the level of research and development

vi Organization of ideas and format

- Conform to the format of thesis writing according to UKM Style Guide.
- Conform to Faculty of Law is footnoting style
- Presents information/data in a systematic manner and a logical coherence of ideas

- 3.2 For a Master thesis, the candidate must demonstrate the ability to conduct research based on existing studies, solve a research problem based on an appropriate theoretical framework and contribute an innovation in the field of law.
- 3.3 For a doctoral thesis, the candidates must demonstrate the ability to conduct research with the ability to analyse and criticise at an advanced level, and solve a research problem based on an appropriate theoretical framework and contribute an original innovation in the field of law.
- 3.4 A Master thesis of 15 units shall be examined by at least one internal examiner. A Master's thesis (thesis only programme) and a Doctoral thesis will be examined by at least one internal examiner and one external examiner.
- 3.5 An oral examination to defend the thesis shall be conducted before an Oral Examination Committee. For Doctoral thesis, the Oral Examination Committee shall consist of the Chairman, the Dean of the Faculty or his representative, the Deputy Dean (Graduate, Research, International and Industrial Relations), the external and internal examiners, the supervisor and other members appointed by the Faculty.
- 3.6 The Oral Examination Committee for Master's thesis shall comprise of the Dean the Faculty or his representative, the Deputy Dean (Graduate, Research, International and Industrial Relations), the external examiner (if applicable), the internal examiner, the supervisor and other members appointed by the Faculty.
- 3.7 The results of the thesis examination shall be in any one of the following categories:
- i. A Pass and is qualified to be conferred a degree; or
 - ii. A Pass and is qualified to be conferred a degree subject to amendments (...month(s)); or

- iii. The result of the candidate's thesis examination is deferred until the candidate submits the thesis for a re-examination (...month(s)); or
- iv. Unsuccessful and does not qualify to be conferred a degree.

3.8 A candidate is subjected to a maximum period of thesis corrections approved by the Oral Examination Committee as follows :

- i. Maximum period of first correction is up to twelve (12) months and the maximum extension period is three(3) months.
- ii. For the candidate who is given the correction period of twelve (12) months for the first examination, is required to submit the the corrected version for the purpose of re-examination.

3.9 A candidate who fail to submit the thesis within the maximum period allowed will be assumed as failed and shall be given the status of "Failed and Terminated."

4. 0 A candidate who is on research mode shall be given the status of "Failed and Terminated for the Reason of Academic Performance" if the candidate obtained as follows in the Progress Report :

- i. Four (4) times of "with Reminder" during the course of studies; or
- ii. Two (2) times of "with Warning" during the course of studies; and
- iii. Combination of two (2) "with Reminder" and one (1) "with Warning" in the course of studies;

4.1 A candidate who is not satisfied with his final examination results can appeal for a review of his results. The appeal must be made in writing to the Dean, Centre of Graduate Management within four weeks from the official date of announcement of examination results. The "official date of announcement" shall be the date recorded in the examination result slip that is sent to the candidate.

PROGRAM EKSEKUTIF

**SARJANA UNDANG-UNDANG
PERNIAGAAN DAN
SARJANA HARTA INTELEK
SESI AKADEMIK 2014-2015**

Latar Belakang Program Pengajian Sarjana Undang-undang Perniagaan

Pengenalan

Program Sarjana Undang-Undang Perniagaan (Eksekutif) mula di tawarkan oleh Fakulti Undang-Undang dengan kerjasama Pusat Kembangan Pendidikan bermula pada Mac 2006. Program ini diperkenalkan selari dengan Dasar Negara yang mengkehendaki para pekerjaanya berpengetahuan dalam bidang atau ilmu yang kritikal bagi tujuan meningkatkan ekonomi Negara (k-economy).

Dalam era globalisasi atau dunia tanpa sempadan, para pekerja terdedah kepada pelbagai jenis persaingan global yang lebih hebat. Justeru, program ini membuka peluang kepada para eksekutif yang bekerjaya supaya boleh melengkapkan diri untuk menjadi lebih kompetitif dan berdaya saing dalam menimba ilmu baru.

Secara ringkasnya, program ini diperkenalkan untuk :

- i- Memberi peluang kepada graduan:
 - a. Lulusan Undang-Undang untuk mendalami bidang Undang-Undang perniagaan.
 - b. Bukan lulusan Undang-Undang untuk diperkenalkan dan dikhususkan kepada Undang-Undang Perniagaan.
- ii- Memberikan penekanan kepada amalan dan pengoperasian urusan niaga terkini.

Objektif Pembelajaran Program

Objektif Pembelajaran Program digariskan seperti berikut:

- PEO1 Graduan yang menguasai bidang undang-undang perniagaan dengan mendalam dan menyeluruh.
- PEO2 Graduan yang mengintegrasikan pengetahuan dalam mengurus isu undang-undang perniagaan yang kompleks.
- PEO3 Graduan yang berfikir kritis dalam menyelesaikan masalah.
- PEO4 Graduan yang mempunyai kepekaan mengenai budaya kebangsaan dan nilai antarabangsa dalam memahami undang-undang berkaitan perniagaan.
- PEO5 Graduan yang dapat menilai dan membuat keputusan dengan mengambil kira tanggungjawab sosial dan etika perundangan.
- PEO6 Graduan yang berkomunikasi, berkepemimpinan dan bekerjasama secara efektif dalam pelbagai situasi multidisiplin.
- PEO7 Graduan yang menjalankan penyelidikan secara saintifik, sistematik dan berstruktur.
- PEO8 Graduan yang melaksanakan pembelajaran secara berterusan.
- PEO9 Graduan yang mempunyai kemahiran keusahawanan dan berdaya saing secara global.

Hasil Pembelajaran Program

- PO1 Graduan yang berkebolehan menunjukkan pengetahuan dan kefahaman mendalam dalam bidang undang-undang perniagaan.
- PO2 Graduan yang berkebolehan mengaplikasi pengetahuan undang-undang perniagaan berdasarkan pendekatan yang saintifik dan berstruktur.
- PO3 Graduan yang berkebolehan menyelesaikan masalah dalam bidang undang-undang perniagaan secara kritis.
- PO4 Graduan yang berkebolehan menangani isu undang-undang perniagaan yang kompleks melalui pengintegrasian pengetahuan.
- PO5 Graduan yang berkebolehan menilai dan membuat keputusan dengan mengambil kira tanggungjawab sosial dan etika perundangan.
- PO6 Graduan yang berkebolehan menjelaskan prinsip undang-undang perniagaan secara kritis dalam pelbagai situasi dengan menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- PO7 Graduan yang menguasai kemahiran pembelajaran sendiri secara berterusan.

Senarai Kursus
Sarjana Undang-undang Perniagaan

UUUK 6304	Undang-undang dan Amalan Perbankan
UUUK 6314	Undang-undang Insolvensi
UUUK 6324	Undang-undang Percukaian
UUUK 6334	Muamalat Lanjutan
UUUK 6344	Undang-undang dan Amalan Insuran
UUUK 6354	Undang-undang Buruh dan Industri
UUUK 6364	Teori dan Amalan Kewangan Islam
UUUK 6374	Undang-undang Perniagaan Antarabangsa
UUUK 6378	Kertas Projek
UUUK 6384	Undang-undang Harta Intelekt Lanjutan
UUUK 6394	Undang-undang Peraturan Sekuriti
UUUK 6414	Metod dan Sistem Undang-undang
UUUK 6424	Undang-undang dan Amalan Kontrak
UUUK 6434	Undang-undang dan Amalan Perniagaan
UUUK 6444	Undang-undang dan Amalan Syarikat
UUUK 6464	Metodologi Penyelidikan
UUUK 6504	Undang-undang Siber

SINOPSIS KURSUS SARJANA UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN

UUUK 6304 - Undang-undang dan Amalan Perbankan

Pengenalan jurubank dan pelanggan, hubungan di antara kedua-duanya dari sudut undang-undang. Sehubungan dengan itu, perkara-perkara seperti kontrak antara jurubank dan pelanggan dan penutupan kontrak di antara jurubank dengan pelanggan juga akan dijelaskan. Selain dari itu, pengendalian urusan bank seperti suratcara boleh niaga, ciri-cirinya dan jenis-jenis suratcara ini akan dibincangkan. Ini termasuklah kepentingan cek seperti memalang cek, pembelaan tuntutan terhadap cek, liability pihak kepada cek, pemungutan cek, pembayaran cek, liability-liabilitibank pembayar, perlindungan untuk bank pembayar, kecuaiian-kecuaiian bank pembayar turut diperjelaskan. Bil pertukaran dan cagaran-cagaran bank seperti jaminan, tanah, debentur dan saham-saham syarikat juga diberi pendedahan.

Bacaan Asas

- Shaik Ahmad Yusoff, Sakina. 2001. *Pengenalan Kepada Undang-Undang Komersial Di Malaysia*. International Law Book Sercives. Bab. 4.
- Pheng, Lee Mei. 1995. *Banking Law*. Kuala Lumpur, Butterworths Asia.
- Syed Idid. 1994. *Judicial Decisions Affecting Bankers and Financiers*. Kuala Lumpur, Butterworths.
- Pang & Sayarimuthu. 1990. *Banking Law In Malaysia*. Kuala Lumpur, Longman.
- Hedley, William. 1997. *Bills of Exchange and Bankers Documentary Credits*. London, LLP Ltd.

UUUK 6314 - Undang-undang Insolvensi

Kursus ini akan membincangkan pelbagai aspek undang-undang insolvensi, kedua-dua peribadi dan korporat, termasuk prinsip asas umum, konsep dan kesan kebangkrupan dan ketidaksolvenan, penggulungan syarikat oleh mahkamah, oleh syarikat itu sendiri atau oleh pemiutang, pelantikan pelikuidasi dan penerima dan fungsi mereka, kesan penggulungan, pentadbiran pelikuidasian, liability pengarah dan menyelamatkan **korporat**.

Bacaan Asas

- Finch, Vanessa, *Corporate Insolvency Law: Perspectives and Principles* (Cambridge University Press, 2002).
- Goode, R.M., *Principles of Corporate Insolvency Law*, (London: Sweet & Maxwell, 1990).
- Keay, A. and Murray, M., *Insolvency: Personal and Corporate Law and Practice, 4th ed* (Sydney: Lawbooks, 2002)
- Milman, D. and Durrant, C., *Corporate Insolvency: Law and Practice* (London: Sweet & Maxwell, 1999)
- Tomsic, R. and Little, P, *Insolvency Law & Practice in Asia*, (Hong Kong: FT Law & Tax Asia Pacific, 1997)

UUUK 6324 - Undang-undang Percukaian

Kursus ini secara amnya akan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai persoalan dan isu-isu perundangan berkaitan sistem percukaian khususnya di Malaysia. Percukaian adalah penting kerana ia merupakan alat utama bagi perkembangan ekonomi serta menyumbang kepada dana sesebuah Negara. Dengan itu, polisi percukaian perlu berubah dari masa kesemasa bagi memenuhi keperluan dalam perubahan ekonomi Negara. Antara perkara-perkara yang akan dibincangkan ialah pengenalan kepada sistem percukaian di Malaysia, jenis-jenis cukai, struktur percukaian perseorangan, struktur percukaian syarikat, percukaian terhadap kelab, persatuan, pertubuhan, perkongsian. Kursus ini juga akan turut membincangkan mengenal penilaian cukai pendapatan serta maksud pendapatan pekerjaan dan pendapatan perniagaan. Kesalahan dan penalti dalam undang-undang percukaian juga akan dikaji. Antara statut utama yang akan dirujuk ialah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) & kaedah-kaedah.

Bacaan Asas

- The Income Act 1967 (TEXT)
- Choong Kwai Fatt, *Malaysian Taxation: Principles and Practice*, 2012 edition (TEXT)
- Jeyapalan K.; *A Comprehensive Guide to Malaysian Taxation under Self-Assessment* (2009). McGraw-Hill, 2009.
- Richard Thornton, *Thornton's Malaysian Tax Commentaries*, 3rd edition. Sweet and Maxwell Asia, 2008. CCH Tax Editors, *Malaysia Master Tax Guide 2011*. CCH Asia Pte Ltd.

UUUK 6334 - Muamalat Lanjutan

Muamalat ialah hubungan diantara manusia dengan manusia dalam usaha mendapatkan keperluan harian dengan cara tukaran atau lebih dikenali dengan sistem barter, jual beli, pinjaman, upahan atau dalam hal berkongsi harta dan modal dalam bersyariat. Keperluan bermuamalat diantara manusia adalah penting dan telah ditegaskan dalam sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud : “Sesiapa yang melepaskan hajat saudaranya, Allah akan melepaskan pula hajatnya. Dan sesiapa yang suka melapangkan kesempitan saudaranya, maka Allah akan melapangkan pula kesempitannya dari beberapa kesempitan dihari kiamat”.Kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar konsep pemilikan harta menurut Islam.Perbincangan adalah berkaitan dengan teori pemilikan, pengiktirafan keempunyaan harta menurut kontrak-kontrak Islam.Penerangan juga berkisar tentang elemen-elemen kontrak, syaratsyarat, jenis-jenis serta perkara-perkara yang membatalkan kontrak. Keautoritian Wilayah serta Wakalah serta perkara-perkara yang berkaitan dengan perwakilan harta akan juga dibincangkan. Contoh muamalat yang melibatkan produk perbankan juga akan dibincangkan dengan mendalam.

Bacaan Asas

Mohd Daud Bakar & Engku Rabiah Adawiah Engku Ali. 2008. *Essentail Readings in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn Bhd.

Muhammad Ayub. 2007. *Understanding Islamic Finance*. West Sussex: John Wiley & Sons Ltd.

Wahbah Al-Zuhayli. (Trans. Mahmoud A. El-Gamal). 2003. *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence. Vol.1 & Vol.2*. Damascus: Dar al Fikr.

Sohail Jaffer. 2004. *Islamic Asset Management*. London: Euromany Books.

Abdul Halim El-Muhammady. 2001. *Undang-undang Muamalat dan Aplikasinya kepada Produk-produk Perbankan*. Bangi: Fakulti Undang-Undang. 2001.

The Mejelle. Kuala Lumpur : The Other Press.

UUUK 6344 - Undang-undang dan Amalan Insuran

Kursus ini dimulakan dengan melihat serta memahami maksud, jenis-jenis insurans serta pembentukan kontrak insurans. Kursus diteruskan dengan membincangkan prinsip-prinsip dan doktrin-doktrin penting dalam suatu kontrak insurans, yang membezakannya dengan kontrak biasa yang lain seperti kepentingan boleh insurans, subrogasi, sumbangan, premium dan indemniti. Kontrak insurans sebagai suatu kontrak ‘amat suci hati’ (of the utmost good faith), maka kewajipan memaklumkan fakta material akan turut dibincangkan. Kursus ini juga akan turut melihat peranan perantara dalam insurans. Di sepanjang perbincangan rujukan akan dibuat kepada common law, statut serta kes-kes tempatan dan juga luar yang telah diputuskan oleh mahkamah.

Bacaan Asas

Cristopher Henley.2003.*The Law of Insurance Broking*.
Chew, Li Hua. 2001.*Undang-undang insuran Malaysia*. Singapore:CCH Asia
Goh, Erin.2001.*Insurance law*.Singapore: Butterworth,Asia
McGee,A.2001.*The modern law of insurance*. Butterworths
Cristopher Henley.2003.*The Law of Insurance Broking*.

UUUK 6354 - Undang-undang Buruh dan Industri

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar dengan kefahaman mengenai undang-undang buruh dan industri serta amalannya di Malaysia. Kursus ini menyentuh lima aspek utama undang-undang buruh dan industri, iaitu:

- i. Pembentukan kontrak perkhidmatan – pelajar akan didedahkan kepada beberapa elemen dan ujian utama kontrak perkhidmatan. Kontrak perkhidmatan perlu dibezakan dengan kontrak untuk perkhidmatan kerana undang-undang buruh hanya meliputi pekerja di bawah kontrak perkhidmatan.
- ii. Isi kandungan kontrak – pelajar akan mempelajari tahap obligasi yang dikenakan oleh kontrak perkhidmatan ke atas setiap pihak kepada kontrak. Di bawah topik ini, pelajar akan didedahkan kepada tanggungjawab tersirat majikan dan pekerja.
- iii. Pelepasan kontrak – kursus ini akan membincangkan jenis pelepasan kontrak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Kontrak 1950, iaitu, pelepasan secara perjanjian dengan notis, pelepasan secara kemungkiran, pelepasan secara masalah ekonomi dan pelepasan di bawah doktrin kekecewaan; dan

- iv. Penyelesaian pertikaian dan remedi di bawah undang-undang buruh dan industri – kursus ini akan memfokus terutamanya kepada mekanisme penyelesaian pertikaian dalam konteks ADR dan sukatan ganti rugi seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Kontrak 1950.
- v. Perhubungan industri atau perusahaan dengan keutamaan kepada perjanjian kolektif dan tindakan perusahaan.

Pengajaran dan pembelajaran bagi kelima-lima aspek di atas akan dikendalikan secara kuliah, perbincangan, aktiviti berkumpulan dan pembentangan. Masalah yang dibekalkan dalam aktiviti berkumpulan adalah berkait dengan amalan buruh dan industri pada masa kini di Malaysia.

Bacaan Asas

- Hassan, Kamal Halili et al 2007. *Undang-Undang Pekerjaan. Jilid. 7*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, Kamal Halili dan Hussain, Rose Effendi, 2003. *Undang-undang Pertikaian Perusahaan dan Mogok di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM
- Hassan, Kamal Halili dan Rahman, Ab Rahman, 2009. *Hubungan Undang-undang Majikan dengan Pekerja*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anantaraman, V. 1997. *Malaysian Industrial Relations Law and Practice*. Serdang: UPM Press.
- Jamaluddin, Siti Zaharah. 2000. *Pengenalan kepada Akta Kerja 1955*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

UUUK 6364 - Teori dan Amalan Kewangan Islam

Kursus ini membincangkan tentang tiga sistem kewangan Islam yang utama iaitu melibatkan institusi kewangan Islam dan produk-produk, takaful dan pasaran modal Islam. Kursus ini direka bentuk bertujuan untuk menyediakan pengetahuan secara menyeluruh dan praktikal dalam isu-isu Syariah dan perundangan berkaitan produk-produk perbankan dan kewangan Islam. Perbincangan ini akan ditumpukan secara khusus kepada prinsip-prinsip Syariah dalam produk-produk perbankan dan kewangan Islam terutamanya dalam memahami larangan Syariah dalam isu riba' (faedah), gharar (ketidakpastian) dan maysir (perjudian) serta kontrak-kontrak yang dimasuki selaras dengan undang-undang Islam. Kursus ini juga membincangkan tentang institusi insuran Islam (Takaful) daripada prinsip-prinsip Syariah, mengetengahkan isu-isu terkini berkaitan produk-produk Takaful serta perkembangan terkini berkaitan institusi Takaful di Malaysia dan antarabangsa.

Tidak ketinggalan juga kursus ini membincangkan secara mendalam dan praktikal pengetahuan berkaitan bonds Islam dan sukuk dengan menganalisa isu-isu Syariah dan perundangan Sekuriti Islam. Selain itu, kursus ini juga akan menyentuh berkaitan dengan teknik-teknik dan penyediaan draf perundangan bagi perbankan Islam dan Sukuk.

Bacaan Asas

- Asyraf Wajdi Dusuki et al. 2011. *Islamic Financial System Principles & Operations*. Kuala Lumpur: ISRA
- Salaheduddin Ahmed. 2009. *Islamic Banking Finance and Insurance: A Global Overview*. Kuala Lumpur: As Noordeen
- Mohd Daud & Engku Rabiah Adawiyah. 2008. *Essential Readings in Islamic Finance*. Kuala Lumpur : CERTS Publication
- Engku Rabiah Adawiah & Hassan Scott. 2008. *Essential Guide to Takaful (Islamic Insurance)*. Kuala Lumpur: CERTS Publication
- Nik Narzrul Thani & et al. 2003. *Law and practice of Islamic banking and Finance*. Kuala Lumpur : Sweet and Maxwell Asia.

UUUK 6374 - Undang-undang Perniagaan Antarabangsa

Kursus ini merangkumi 7 aspek utama di bawah Undang-undang Perniagaan Antarabangsa. Pelajar akan didedahkan kepada juzuk-juzuk utama undang-undang yang berkait dengan urus niaga antarabangsa. Topik-topik yang dibincangkan merangkumi:

- i. Pengenalan kepada undang-undang antarabangsa dan undang-undang antarabangsa perbandingan termasuk penyelesaian pertikaian;
- ii. undang-undang yang mengawal perbadanan perniagaan dan pelaburan;
- iii. Peraturan matawang dan perkhidmatan keewangan;
- iv. undang-undang berkaitan perdagangan barangan, perkhidmatan dan aspek harta intelek berkaitan dengan perniagaan;
- v. Kontrak Jualan barangan antarabangsa termasuk pengangkutan dan insuran;
- vi. Pembiayaan dalam perniagaan; dan
- vii. percukaian

Bacaan Asas

- Daniel C.K.C and Thomas J.S. 2010.*International Business Transactions*: Aspen Publishers.
- Michael D. 2010. *Doyle's Practical Guide to Business Law in Emerging Countries in Asia*: Carolina Academic Press
- Ray A.A., Don M., Michael B.B. 2008. *International Business Law*: Prentice Hall.
- Richard S., Filiberto A., Lucien J.D. and Beverley E. 2011.*International Business Law and its Environment*: South-Western Cengage Learning.
- Roald M. 2006. *Overview of International CISG Sales Law: Basic Contract Law according to the UN Convention on Contracts for the International Sale of Goods (CISG)*: BookSurge Publishing.

UUUK 6378 - Kertas Projek

Antara objektif kursus ini adalah untuk menggalakkan pelajar menjalankan satu penyelidikan kecil yang kreatif dan asli. Penyelidikan yang dijalankan perlu mempunyai unsur undang-undang. Pelajar juga digalakkan menjalankan kajian perbandingan dengan negara lain atau dengan undang-undang syariah kerana ini akan membantu pelajar untuk memperluas dan memperdalamkan ilmu pengetahuan masing-masing. Kertas projek ini boleh ditulis di dalam Bahasa Malayu atau Bahasa Inggeris dan jumlah penulisan kertas projek adalah dalam 25 ribu patah perkataan.

Bacaan Asas

- Jawatankuasa Kertas Projek Fakulti Undang-Undang.UKM. 1997. *Garis Panduan Kertas projek dan Panduan Bagi Penulisan Kertas Projek*, FUU
- Wat, J. 1995. *Concise Legal Research*. 2nd ed. Sydney : Federation Press.
- Greenleaf G. & Mowbray K. 1996.*The Australia Guide to Legal Research on the Internet*. 1st ed. : Faculty of Law. UNSW
- Dayal, S. 1996. LDL Online : *Laying Down The Law Computer Legal Research*. London : Butterworths.
- Campbell & Enid. 1979. *Legal Research Material and Methods*. 2nd ed. Sydney : Law Book Co.

UUUK 6384 - Undang-undang Harta Intelek Lanjutan

Kursus ini membincangkan mengenai undang-undang harta intelek dan kaitannya dengan perniagaan. Kursus ini akan merangkumi topik-topik seperti hakcipta, rekabentuk industry, Capdagangan, Paten, kepelbagaian tumbuhan, petunjuk Geografi serta perlindungan “common law” (kerahsiaan dan kekelirupaan). Secara spesifiknya, ke semua topic ini akan dibincangkan dengan mengaikannya dengan isu-isu perniagaan.

Bacaan Asas

Khaw Lake Tee.(2008). *Copyright law in Malaysia.3ed. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.*
Bainbridge, D.I (2007). *Intellectual property. 6ed.Harlow: Pearson Longman.*
L. Bently & B. Sherman (2004). *Intellectual property law.* Oxford: Oxford University Press.
Cornish, W.R., *Intellectual Property, 4th Ed.*, Sweet & Maxwell, London, 1999.

UUUK 6394 - Undang-undang Peraturan Sekuriti

Kursus ini mendedahkan para pelajar peraturan dan undang-undang yang mengawalselia pihak-pihak dalam perindustrian sekuriti, iaitu syarikat tersenarai, para broker dan pelabur. Kursus ini akan mengkaji peranan badan pengawalselia dan kehendak-kehendak para pemain pasaran untuk mempraktiskan ketelusan dalam urusan mereka, kecukupan berbagai-bagai peruntukan statut dan penguatkuasaanya. Kursus ini juga akan mengkaji pelbagai kerangka peraturan mengenai sekuriti seperti melalui kehendak-kehendak penyenaraian dan perlesenan, pasaran frod, manipulasi dan jualan singkat. Kursus ini juga akan melihat peraturan berhubung dengan pengambilalihan dan percantuman serta keperluan-keperluan untuk menjadikan sekuriti patuh syariah.

Bacaan Asas

Avgouleas, Emilios E. *The mechanics and regulation of market abuse: a legal and economic analysis.* 2005. United Kingdom: Oxford University Press.
Fung, Archon. Graham, Mary. Weil, David. Full disclosure: the perils and promise of transparency. 2007. United Kingdom: Cambridge University Press.
Geoffrey, Shanti, *Capital Market Laws of Malaysia*, LexisNexis, Malaysia 2010
Lyon, Gregory and Plessis, Jean du. *The law of insider trading in Australia.* 2005. Australia: The Federation Press.
Teall, John L. *Governance and the market for corporate control.* 2006. New York: Routledge
Walker, Joseph A. *Selling short: risks, rewards, and strategies for short selling stocks, options, and futures.* 1991. United States: Wiley Finance

UUUK 6414 - Metod dan Sistem Undang-undang

Undang-undang adalah satu profesyen yang mulia dan penting kepada negara. Perbincangan bagi kursus ini dimulakan dengan memperkenalkan apa itu undang-undang, sifat dan fungsi undang-undang, klasifikasi undang-undang serta beberapa terminologi undang-undang. Kemudian, kursus ini membincangkan perkembangan sejarah dan sumber-sumber perundangan di Malaysia sama ada bertulis atau tidak bertulis seperti Perlembagaan Persekutuan, common law, ekuiti, Doktrin Stare Decisis (juga ratio decidendi dan obiter dicta), Undang-undang Islam dan adat. Seterusnya, perbincangan juga berfokus kepada cara-cara membaca dan memahami kes serta cara-cara mengubal undang-undang dan juga cara-cara mentafsir statut serta kaedah-kaedah tafsiran statut. Selain dari itu, kursus ini juga akan melihat kepada hierarki mahkamah di Malaysia secara terperinci yang akan dimulakan dengan Mahkamah-mahkamah Rendah, Mahkamah-mahkamah Tinggi dan Mahkamah-mahkamah Khas. Akhir sekali, kursus ini akan membincangkan bagaimana seseorang itu boleh menjadi peguambela-peguamcara di Malaysia serta mengenai peranan institusi-institusi perundangan seperti Peguam Negara, Ketua Hakim Negara dan Jabatan Bantuan Guaman.

Bacaan Asas

Wan Arfah Hamzah, *A First Look at the Malaysian Legal System*, Oxford Fajar Sdn. Bhd., 2009

Sharifah Suhana Syed Ahmad, *Malaysian Legal System*, 2nd. edn., Lexis Nexis, 2007.

Rau & Kumar, *General Principles of the Malaysian Legal System*, ILBS, 2006

Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Jones, *Sistem Undang-Undang di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka., 1998.

Wu Min Aun, *The Malaysian Legal System*, 3rd.edn., Petaling Jaya, Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2005.

UUUK 6424 - Undang-undang dan Amalan Kontrak

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar dengan kefahaman mengenai undang-undang kontrak dan amalannya di Malaysia. Kursus ini menyentuh empat aspek utama undang-undang kontrak, iaitu:

- i. Pembentukan kontrak – pelajar akan didedahkan kepada tujuh elemen utama kontrak yang sah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Kontrak 1950, iaitu, cadangan, penerimaan, balasan, niat untuk mewujudkan hubungan di sisi undang-undang, keupayaan, kerelaan bebas dan kesahan kontrak;
- ii. Isi kandungan kontrak – pelajar akan mempelajari tahap obligasi yang dikenakan oleh kontrak ke atas setiap pihak kepada kontrak. Di bawah topik ini, pelajar akan didedahkan kepada klasifikasi terma, termasuk, fasal pengecualian;
- iii. Pelepasan kontrak – kursus ini akan membincangkan empat jenis pelepasan kontrak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Kontrak 1950, iaitu, pelepasan secara perjanjian, pelepasan secara kemungkiran, pelepasan secara pelaksanaan dan pelepasan di bawah doktrin kekecewaan; dan
- iv. Remedi di bawah undang-undang kontrak – kursus ini akan memfokus terutamanya kepada ‘remoteness of damage’ dan sukatan ganti rugi seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Kontrak 1950.

Pengajaran dan pembelajaran bagi keempat-empat aspek di atas akan dikendalikan secara kuliah, perbincangan, aktiviti berkumpulan dan pembentangan. Masalah yang dibekalkan dalam aktiviti berkumpulan adalah berkaitan dengan amalan perniagaan masa kini di Malaysia.

Bacaan Asas

- Cartwright, J., Beatson, J. & Burrows, A. 2010. *Anson's Law of Contract*. Oxford University Press.
- Stone R. 2010. *Modern Law of Contract*. London: Cavendish Publishing.
- Syed Ahmad Al Sagoff. 2010. *Principles of the Law of Contract in Malaysia*. LexisNexis.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Azimon Abdul Aziz. 2009. *Mengenal Undang-undang Kontrak Malaysia*. International Law Book Services.
- Visu Sinnadurai. 2003. *Law of Contract. (Vol.I & II)*. Butterworths.

UUUK 6434 - Undang-undang dan Amalan Perniagaan

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada undang-undang perniagaan dan amalannya di Malaysia. Kursus ini memfokus khususnya kepada pembekalan barang dan perkhidmatan di Malaysia. Secara keseluruhannya, kursus ini menyentuh lima bidang undang-undang perniagaan, iaitu:

Undang-undang pembekalan barang yang merangkumi undang-undang jualan barang dan kontrak sewa beli;

- i. Undang-undang keselamatan barang;
- ii. Undang-undang liabiliti keluaran;
- iii. Undang-undang pembekalan perkhidmatan; dan
- iv. Penyelesaian pertikaian perdagangan.

Pengajaran dan pembelajaran bagi kelima-lima bidang di atas akan dikendalikan secara kuliah, perbincangan dan aktiviti berkumpulan. Dalam aktiviti berkumpulan, pelajar akan dibekalkan dengan masalah semasa yang berkaitan dengan amalan perniagaan masa kini di Malaysia. Bagi topik tertentu, kursus ini akan menggunakan pakai pendekatan perbandingan dengan beberapa negara Barat dan Asia terpilih.

Bacaan Asas

- Nor 'Adha Ab Hamid & Sakina Shaik Ahmad Yusoff. 2011. *Pertikaian Perdagangan Pengguna: Penyelesaian Pertikaian Alternatif di Malaysia*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Atiyah, P.S., Adams J.N. & MacQueen, H. 2010. *Atiyah's Sale of Goods*. Pearson Education Ltd.
- Lee Mei Pheng & Detta, I.J. 2009. *Business Law*. Oxford University Press.
- Sathiaselan, J.K. 2008. *Hire Purchase (Bilingual)*. LexisNexis.
- Wu Min Aun. 1999. *Consumer Protection Act 1999 Supply of Goods*. Pearson Education Malaysia.

UUUK 6444 - Undang-undang dan Amalan Syarikat

Kursus ini akan memberikan pelajar pemahaman pada peringkat yang mendalam mengenai undang-undang Syarikat dan amalannya di Malaysia.

Undang-undang Syarikat di Malaysia akan dibincangkan dengan rujukan utama kepada Akta Syarikat, 1965 (Akta 125) dan dibantu dengan kes-kes yang telah diputuskan. Perbincangan akan meliputi topik pengenalan kepada undang-undang Syarikat seperti konsep 'Personaliti Korporat'; 'Perbezaan antara syarikat dengan organisasi perniagaan yang lain'; 'Proses pendaftaran syarikat', 'penaja dan kontrak pra-perbadanan', 'perlembagaan syarikat serta tafsiran terhadap fasal objek.' Tajuk seterusnya meliputi konsep modal syer, debenture & caj, audit, tugas pengarah, mesyuarat, hak minoriti dan penggulangan syarikat.

Isu-isu yang dibincangkan akan dikupas dengan lebih mendalam meliputi analisis mengenai prinsip dan konsep tabir korporat, tanggungjawab sosial korporat, pembelaan kepada pemegang syer, kuasa pemiutang dan regim insolvency. Selain itu isu seperti penstrukturan dan syarikat multinasional dan transnasional akan juga dikupas

Bacaan Asas

- Aishah Bidin, Ian Ramsey, Geof Stapleton et. al, 2008. *Commercial Application Of Malaysian Company Law*, CCH Asia Pte Ltd, Singapore
- Cheffins, Brian R., *Corporate Ownership and Control*, British Business Transformed. 2010. Oxford University Press, New York
- Davies, Paul. L., Gower and Davies' *Principles Of Modern Company Law*. 2008. *Eight Edition*, Sweet & Maxwell, London.
- Farrar, John, *Company Law*. 1998. Fourth Edition, Butterworth's, London.
- Kala Anandarajah, *Corporate Governance – Practice & Issues*. 2010. Academy Publishing. Singapore.

UUUK 6464 - Metodologi Penyelidikan

Di peringkat awal, pelajar diperkenalkan kepada beberapa proses penyelidikan secara Makro seperti menentukan permasalahan kajian, membentuk objektif kajian/ hipotesis, memungut data, menganalisis data, membuat kesimpulan dan penyelesaian kepada masalah kajian serta cara penulisan laporan. Ini menyediakan pelajar bagi menghasilkan kertas cadangan penyelidikan. Pelajar juga akan diberi kefahaman yang lebih mendalam (Mikro) dalam beberapa aspek penting penyelidikan seperti hubungan teori dan kajian, pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan sains sosial, membuat tinjauan bahan bertulis secara sistematik, corak penyelidikan, pengukuran, reliability dan kesahihan, pemilihan sampel kajian, kerja lapangan dan etika penyelidikan. Penekanan khusus diberikan kepada metodologi undang-undang dengan merujuk kepada bahan-bahan perundangan seperti kes-kes, statut serta keputusan-keputusan hakim. Pelajar didedahkan kepada kemahiran dalam mengenalpasti permasalahan undang-undang, mentafsir, membuat perbandingan, menganalisis, mengkritik dan menilai bahan kajian

Bacaan Asas

- Neuman, W. Lawrence. 2011 .*Social Research Methods, ed.7, U.S.A.*: Pearson Education, Inc
- Punch, Keith F. 1998. *Introduction to Social Research-Quantitative and Qualitative Approaches*, Thousand Oaks : Sage Publications,
- Stott, D (1994) *Legal Research, Great Britain: Cavendish Publishing*. Jacobs J. 1992. *The Death and Life of Great American Cities*: Vintage.
- Denzin N.K & Lincoln Y.S (edit) (2005), *The Sage Handbook of Qualitative Research*, 3rd ed, U.S.A: Sage Publication. Inc.
- Ezzy, D (2002) 2nd. ed. *Qualitative Analysis, Australia*: Allen & Unwin Ltd.

UUUK 6504 - Undang-undang Siber

Kursus ini membincangkan aspek perundangan yang membabitkan aktiviti dalam talian di Malaysia. Fokus utama ialah ENAM isu penting iaitu Jenayah Siber, Keterangan Berkaitan Komputer, Harta Intelek dan Internet, Transaksi Atas Talian, Perlindungan Data Peribadi & Tanggungan Pemberi Perkhidmatan Internet.

Dalam membincangkan isu-isu di atas, rujukan akan dibuat kepada peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia. Perbandingan juga akan dibuat dengan peruntukan undang-undang di negara yang lain dan mekanisme antarabangsa, jika berkenaan.

Bacaan Asas

- Bainbridge, David. 2011. *Introduction To Information Technology Law. 7th ed.* Harlow: Longman.
- Lloyd, Ian. 2011. *Information Technology Law. 6th ed.* Oxford: Oxford University Press.
- Anita binti Abdul Rahim & Nazura Abdul Manap. 2004. *Jenayah Berkaitan Dengan Komputer: Perspektif Undang-Undang Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reed, Chris. 2011. *Computer Law. 7th ed.* Blackstone Press.

Matrik Hasil Pembelajaran Kursus (CO) dan Hasil Pembelajaran Program (PO)

HPP = Hasil Pembelajaran Program; HPK = Hasil Pembelajaran Kursus

- 1 - Memenuhi HPP tanpa penilaian rasmi,
- 2 - Memenuhi sepenuh HPP dengan penilaian rasmi

UUUK 6304 - Undang-undang dan Amalan Perbankan

<i>Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)</i>	<i>Taksonomi</i>	HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	HPP 7	Pengajaran	Penilaian
HPK1 Pelajar mengenalpasti hak bank dan pelanggan	C4	2	2	2	1	2	1	1	Pengajaran di dalam kuliah, aktiviti individu / berkumpulan dan perbincangan	Pembentangan, Tugas, Peperiksaan
HPK2 Pelajar mengenalpasti isu-isu perundangan yang timbul dalam transaksi perbankan	C5, A4, P3	2	2	2	1	2	1	2	Pengajaran di dalam kuliah, aktiviti individu / berkumpulan dan perbincangan	Pembentangan, Tugas, Peperiksaan
HPK3 Pelajar berkebolehan menanggapi isu-isu perundangan dalam transaksi perbankan	C5, A4, P3, P5	2	2	2	1	2	2	2	Pengajaran di dalam kuliah, aktiviti individu / berkumpulan dan perbincangan	Pembentangan, Tugas, Peperiksaan

UUUK 6314 - Undang-undang Insolvensi

Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Taksonomi	HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	HPP 7	Pengajaran	Penilaian
HPK1 Menunjukkan kefahaman tentang konsep	C2	2	1	2	2	1	1	1	Pengajaran di dalam kuliah, dan pembelajaran berasaskan masalah	Peperiksaan dan laporan projek
HPK2 Akan dapat dengan cekap mentafsir undang-undang berkenaan	C3, A4	2	2	2	2	1	2	2	Pengajaran di dalam kuliah, dan pembelajaran berasaskan masalah	Peperiksaan dan laporan projek
HPK3 Akan dapat mengguna pakai undang-undang dalam situasi kehidupan yang praktikal	C4 P4 P5	2	2	2	2	1	2	1	Pengajaran di dalam kuliah, dan pembelajaran berasaskan masalah	Peperiksaan dan laporan projek

UUUK 6324 - Undang-undang Percukaian

Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Taksonomi	HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	HPP 7	Pengajaran	Penilaian
HPK1 Menunjukkan kefahaman tentang konsep	C2	2	1	2	2	1	1	1	Pengajaran di dalam kuliah dan pembelajaran berasaskan masalah	Peperiksaan dan laporan projek
HPK2 Akan dapat dengan cekap mentafsir undang-undang berkenaan	C3, A4	2	2	2	2	1	2	2	Pengajaran di dalam kuliah dan pembelajaran berasaskan masalah	Peperiksaan dan laporan projek
HPK3 Akan dapat mengguna pakai undang-undang dalam situasi kehidupan yang praktikal	C4, P4, P5, A4	2	2	2	2	1	2	1	Pengajaran di dalam kuliah dan pembelajaran berasaskan masalah	Peperiksaan dan laporan projek

UUUK 6334 - Muamalat Lanjutan

<i>Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)</i>	<i>Taksonomi</i>	HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	HPP 7	Pengajaran	Penilaian
HPK1 Pelajar dapat mengeaplikasikan undang-undang kontrak Islam dalam amalan perniagaan	C4	2	2	2	2	1	2	1	Pengajaran dalam kuliah, perbincangan berkumpulan	Kuiz Tugasan individu Aktiviti kumpulan Peperiksaan akhir
HPK2 Pelajar dapat menyelesaikan kenyataan masalah penyelidikan undang-undang kontrak Islam berdasarkan pendekatan yang saintifik dan berstruktur	C3, A4,C5	2	2	2	2	1	2	1	Pengajaran dalam kuliah, perbincangan berkumpulan	Tugasan individu Aktiviti kumpulan Peperiksaan akhir
HPK3 Pelajar berkebolehan merangka pembaharuan atau penambahbaikan undang-undang kontrak Islam di Malaysia	C5, A4, P3, P5	2	2	2	2	1	2	1	Pengajaran dalam kuliah, perbincangan berkumpulan	Tugasan individu Aktiviti kumpulan Peperiksaan akhir

UUUK 6344 - Undang-undang dan Amalan Insuran

Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Taksonomi	HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	HPP 7	Pengajaran	Penilaian
HPK1 Pelajar berkebolehan mengenalpasti prinsip-prinsip undang-undang insuran	C4	2	2	2	1	2	1	1	Pengajaran di dalam kuliah, aktiviti individu / berkumpulan dan perbincangan	Pembentangan, Tugas, Peperiksaan
HPK2 Pelajar berkebolehan memahami kontrak insuran	C5, A4, P3	2	2	2	1	2	1	2	Pengajaran di dalam kuliah, aktiviti individu / berkumpulan dan perbincangan	Pembentangan, Tugas, Peperiksaan
HPK3 Pelajar berupaya mengaplikasi mengenai tuntutan dan perantara insuran di Malaysia	C5, A4, P3, P5	2	2	2	1	2	2	2	Pengajaran di dalam kuliah, aktiviti individu / berkumpulan dan perbincangan	Pembentangan, Tugas, Peperiksaan

UUUK 6354 - Undang-undang Buruh dan Industri

<i>Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)</i>	<i>Taksonomi</i>	HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	HPP 7	Pengajaran	Penilaian
HPK1 Pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan dalam bidang undang-undang buruh dan industri	C3,C4	2	2	2	2	1	2	1	Pengajaran dalam kuliah Perbicnangan berkumpulan	Kuiz Tugasan individu Aktiviti kumpulan Peperiksaan Akhir
HPK2 Pelajar dapat menyelesaikan kenyataan masalah penyelidikan undang-undang buruh dan industri berdasarkan pendekatan yang saintifik dan berstruktur	C5, A4, P3	2	2	2	2	1	2	1	Pengajaran dalam kuliah Perbicnangan berkumpulan	Kuiz Tugasan individu Aktiviti kumpulan Peperiksaan Akhir
HPK3 Pelajar berkebolehan merangka pembaharuan atau penambah-baikkan undang-undang buruh dan industri di Malaysia	C5, A4, P5, P7	2	2	2	2	1	2	1	Pengajaran dalam kuliah Perbicnangan berkumpulan	Kuiz Tugasan individu Aktiviti kumpulan Peperiksaan Akhir

UUUK 6364 - Teori dan Amalan Kewangan Islam

Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Taksonomi	HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	HPP 7	Pengajaran	Penilaian
HPK1 Pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan dalam bidang kewangan Islam	C2	2	1	2	2	1	1	1	Kuliah, Perbincangan, aktiviti berkumpulan	Pembentangan / Seminar Kuiz Peperiksaan pertengahan semester
HPK2 Pelajar dapat membina produk-produk kewangan Islam berlandaskan kerangka perundangan Islam	C3, A4	1	2	1	1	1	1	2	Kuliah, aktiviti berkumpulan	Pembentangan / Seminar, tugas individu dan berkumpulan
HPK3 Pelajar dapat berfikir dengan kritis berdasarkan kerangka perundangan dalam kewangan Islam	C4	2	1	2	1	1	1	2	Kuliah, aktiviti berkumpulan	Pembentangan / Seminar, tugas individu dan berkumpulan

UUUK 6374 - Undang-undang Perniagaan Antarabangsa

Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Taksonomi	HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	HPP 7	Pengajaran	Penilaian
HPK1 Berkebolehan mengalpasti dan menganalisis ciri-ciri drp juzuk-juzuk undang-undang yang timbul drp urus niaga yang menyentuh hubungan perniagaan antarabangsa	C2	2	1	1	2	1	1	1	Pengajaran di dalam kuliah dan pembelajaran berasaskan masalah	Peperiksaan dan tugas individu
HPK2 Berkebolehan menunjukkan aspek-aspek kebergantungan dan autonomi di antara juzuk-juzuk urusniaga a/bangsa yang terlibat, dan berkebolehan menunjukkan dan membezakan di antara kesan undang-undang dan kesan praktikal	C3, A2	2	1	1	1	1	1	1	Pengajaran di dalam kuliah dan pembelajaran berasaskan masalah	Peperiksaan dan tugas individu
HPK3 Berkebolehan menggunakan pengetahuan undang-undang dan pertimbangan praktikal dalam hubungannya dengan penyelesaian pertikaian dan penentuan risiko	C4 A4	2	1	1	2	1	1	1	Pengajaran di dalam kuliah dan pembelajaran berasaskan masalah	Peperiksaan dan tugas individu
HPK4 Berkebolehan menilai pengaruh amalan perdagangan bersekali dengan inisiatif ke arah pengharmonian undang-undang perniagaan a/bangsa (kod amalan a/bangsa, kontrak bentuk piawai dan konvensyen)	C5, A4, P3, P5	2	2	2	2	2	1	1	Pembelajaran di dalam kuliah, pembelajaran berasaskan masalah dan seminar serta <i>Cooperative Learning</i> (CL)	Peperiksaan Laporan bertulis pembelajaran secara lisan dan penilaian oleh rakan

UUUK 6378 - Kertas Projek

Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Taksonomi	HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	HPP 7	Pengajaran	Penilaian
HPK1 Pelajar menunjukkan kefahaman terhadap topik berkeupayaan mengungkap permasalahan yang boleh diselidiki	C3 C4	2	1	2	2	1	1	1	Perbincangan dan Penyelidikan	Tugasan
HPK2 Pelajar berkebolehan merekacipta & menghasilkan cadangan penyelidikan	C4	2	1	2	2	1	1	1	Perbincangan dan Penyelidikan	Penulisan cadangan penyelidikan
